



NEGERI MELAKA

Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

GOVERNMENT OF MALACCA GAZETTE
PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 65
No. 6

25hb Mac 2021

TAMBAHAN
No. 1

AKTA KERAJAAN TEMPATAN 1976
(Akta 171)

LOCAL GOVERNMENT ACT 1976
(Act 171)

No. 189.

MAJLIS PERBANDARAN JASIN

JASIN MUNICIPAL COUNCIL

RINGKASAN BELANJAWAN 2021

SUMMARY OF THE BUDGET 2021

Dengan ini diberitahu bahawa menurut kuasa di bawah subseksyen 55(6) Akta Kerajaan Tempatan 1976 [Akta 171], Pihak Berkuasa Negeri dengan ini meluluskan Ringkasan Belanjawan bagi tahun 2021 seperti berikut:

Notice hereby given that pursuant to powers conferred by subsection 55(6) of the Local Government Act 1976 [Act 171], the State Authority hereby approved the Summary of the Budget for the year 2021 as follows:

MAJLIS PERBANDARAN JASIN

RINGKASAN BELANJAWAN 2021

	2019 RM	2020 RM	2021 RM	PERBEZAAN RM	%
HASIL DAN TERIMAAN					
Hasil Cukai	13,258,000	15,889,000	17,684,566	1,795,566	11.3
Hasil Bukan Cukai	10,177,570	10,110,000	17,160,115	7,050,115	69.7

WARTA KERAJAAN NEGERI MELAKA

456

[25hb Mac 2021]

	2019 RM	2020 RM	2021 RM	PERBEZAAN RM	%
Pelbagai Terimaan	170,110	170,000	370,110	200,110	117.7
Jumlah Hasil dan Terimaan	<u>23,605,680</u>	<u>26,169,000</u>	<u>35,214,791</u>	<u>9,045,791</u>	<u>34.6</u>
PERBELANJAAN					
MENGURUS					
Emolumen	11,020,833	11,316,000	11,746,698	430,698	3.8
Perkhidmatan & Bekalan	10,975,747	12,184,000	19,909,903	7,723,903	63.4
Perbelanjaan Pembangunan	380,060	1,260,050	1,227,660	(32,390)	(2.6)
Aset	134,010	234,950	1,123,000	888,050	378.0
Pemberian & Kenaan Tetap	769,010	774,000	855,010	81,010	10.5
Perbelanjaan Lain	316,020	390,000	342,520	(47,480)	(12.2)
Jumlah Perbelanjaan Mengurus	<u>23,595,680</u>	<u>26,159,000</u>	<u>35,204,520</u>	<u>9,045,791</u>	<u>34.6</u>
Surplus	<u>10,000</u>	<u>10,000</u>	<u>10,000</u>	<u>—</u>	<u>—</u>

Bertarikh 23 Disember 2020

Dated 23 December 2020

[MPJ/UU/1400-2/1 Jilid 2; PUNM. 700-02/ Jilid 15]

DATIN SAPIAH BINTI HARON
Yang Dipertua
Majlis Perbandaran Jasin/
President
Jasin Municipal Council

Disahkan 25 November 2020
 [MMKN. P14 4B/23/2020]

AHMAD AZLAN BIN AHMAD SALLEH
Setiausaha
Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Melaka/
Secretary
State Executive Council Malacca

No. 190.

MAJLIS PERBANDARAN JASIN

JASIN MUNICIPAL COUNCIL

AKAUN BAGI TAHUN KEWANGAN 2016

ACCOUNT FOR THE FINANCIAL YEAR 2016

Akaun yang telah diaudit bagi tahun kewangan 2016, bersama-sama dengan pandangan juruaudit, adalah disiarkan menurut subseksyen 60(4) Akta Kerajaan Tempatan 1976 [Akta 171].

This audited account for the financial year 2016, together with the auditor's observation, is published pursuant to subsection 60(4) of the Local Government Act 1976 [Act 171].

Bertarikh 18 Januari 2021

Dated 18 January 2021

[MPJ/UU/1400-2/1 Jilid 2; PUNM. 700-02/6 Jilid 15]

DATIN SAPIAH BINTI HARON
Yang Dipertua
Majlis Perbandaran Jasin/
President
Jasin Municipal Council

LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI PENYATA KEWANGAN

MAJLIS PERBANDARAN JASIN
BAGI TAHUN BERKAKHIR 31 DISEMBER 2016

Laporan Mengenai Penyata Kewangan

Pendapat

Penyata Kewangan Majlis Perbandaran Jasin bagi tahun berakhir 31 Disember 2016 telah diaudit oleh wakil saya yang merangkumi Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2016 dan Penyata Pendapatan, Penyata Perubahan Dalam Ekuiti serta Penyata Aliran Tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut, ringkasan polisi perakaunan yang disignifikan dan nota penjelasan lain seperti dinyatakan.

Pada pendapat saya, penyata kewangan ini memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Majlis Perbandaran Jasin pada 31 Disember 2016 dan prestasi kewangan serta aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan piawaian pelaporan kewangan yang diluluskan di Malaysia dan Akta Kerajaan Tempatan 1976.

Asas Kepada Pendapat

Saya telah melaksanakan pengauditan berdasarkan Akta Audit 1957 dan *The International Standards of Supreme Audit Institutions*. Tanggungjawab saya dihuraikan selanjutnya di perenggan Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan dalam laporan ini. Saya percaya bahawa bukti audit yang diperoleh adalah mencukupi dan bersesuaian untuk dijadikan asas kepada pendapat saya.

Kebebasan dan Tanggungjawab Etika Lain

Saya adalah bebas daripada Majlis Perbandaran Jasin dan telah memenuhi tanggungjawab etika lain berdasarkan *The International Standards of Supreme Audit Institutions*.

Emphasis of Matter

Tanpa menjelaskan pendapat Audit, saya ingin menarik perhatian terhadap perkara berikut:

- i. Terdapat 2 bidang tanah iaitu Lot 768 GRN 22659 (PT5379) Mukim Jasin dan Lot 768 GRN 22659 (PT5656) Mukim Jasin yang telah mendapat kelulusan Pejabat Tanah dan Daerah untuk menjadi hakmilik Majlis. Majlis hanya merekod bayaran pampasan kos aset tanah dan tidak merekodkan kos bayaran premium yang berjumlah RM1,043,679 dan lain-lain bayaran berjumlah RM22,040. Ini bermakna, Majlis telah terkurang catat kos aset tanah pada tahun kewangan semasa.
- ii. Sehingga ke tarikh Sijil audit ini ditandatangani, surat pengesahan baki dari pihak ketiga bagi amaun yang berjumlah RM18,322,557 masih belum diterima untuk memastikan amaun bagi akaun-akaun yang berkaitan adalah benar dan saksama.

Maklumat Lain Selain Daripada Penyata Kewangan dan Laporan Juruaudit Mengenainya

Ahli Majlis bertanggungjawab terhadap maklumat lain dalam Laporan Tahunan. Pendapat saya terhadap penyata kewangan Majlis Perbandaran Jasin tidak meliputi maklumat lain selain daripada Penyata Kewangan dan Laporan Juruaudit mengenainya dan saya tidak menyatakan sebarang bentuk kesimpulan jaminan mengenainya.

Tanggungjawab Ahli Majlis Terhadap Penyata Kewangan

Ahli Majlis bertanggungjawab terhadap penyediaan penyata kewangan Majlis Perbandaran Jasin yang memberi gambaran benar dan saksama selaras dengan piawaian pelaporan kewangan yang diluluskan di Malaysia dan Akta Kerajaan Tempatan 1976. Ahli Majlis juga bertanggungjawab terhadap penetapan kawalan dalaman yang perlu bagi membolehkan penyediaan penyata kewangan Majlis Perbandaran Jasin yang bebas daripada salah nyata yang ketara sama ada disebabkan fraud atau kesilapan.

Semasa penyediaan penyata kewangan Majlis Perbandaran Jasin, Ahli Majlis bertanggungjawab untuk menilai keupayaan Majlis Perbandaran Jasin untuk beroperasi sebagai satu usaha berterusan, mendedahkannya jika berkaitan serta menggunakannya sebagai asas perakaunan.

Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan

Objektif saya adalah untuk memperoleh keyakinan yang munasabah sama ada penyata kewangan Majlis Perbandaran Jasin secara keseluruhannya adalah bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, dan mengeluarkan Laporan Juruaudit yang merangkumi pendapat saya. Jaminan yang munasabah adalah satu tahap jaminan yang tinggi, tetapi bukan satu jaminan bahawa audit yang dijalankan mengikut *The International*

Standards of Supreme Audit Institutions akan sentiasa mengesan salah nyata yang ketara apabila ia wujud. Salah nyata boleh wujud daripada fraud atau kesilapan dan dianggap ketara sama ada secara individu atau agregat sekiranya boleh dijangkakan dengan munasabah untuk mempengaruhi keputusan ekonomi yang dibuat oleh pengguna berdasarkan pernyata kewangan ini.

Sebagai sebahagian daripada pengauditan mengikut *The International Standards of Supreme Audit Institutions*, saya menggunakan pertimbangan profesional dan mengekalkan keraguan profesional sepanjang pengauditan. Saya juga:

- a. Mengenal pasti dan menilai risiko salah nyata ketara dalam pernyata kewangan Majlis Perbandaran Jasin, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, merangka dan melaksanakan prosedur audit yang responsif terhadap risiko berkenaan serta mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian untuk memberikan asas kepada pendapat saya. Risiko untuk tidak mengesan salah nyata ketara akibat fraud mungkin melibatkan pakatan, pemalsuan, ketinggalan yang disengajakan, representasi yang salah, atau mengatasi kawalan dalaman.
- b. Memahami kawalan dalaman yang relevan untuk merangka prosedur audit yang bersesuaian tetapi bukan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman Majlis Perbandaran Jasin.
- c. Menilai kesesuaian dasar perakaunan yang diguna pakai dan kemunasabahan anggaran perakaunan dan pendedahan yang berkaitan oleh Ahli Majlis.
- d. Membuat kesimpulan terhadap kesesuaian penggunaan asas perakaunan untuk usaha berterusan oleh Ahli Majlis dan berdasarkan bukti audit yang diperoleh, sama ada wujudnya ketidakpastian ketara yang berkaitan dengan peristiwa atau keadaan yang mungkin menimbulkan keraguan yang signifikan terhadap keupayaan Majlis Perbandaran Jasin sebagai satu usaha berterusan. Jika saya membuat kesimpulan bahawa ketidakpastian ketara wujud, saya perlu melaporkan dalam Laporan Juruaudit terhadap pendedahan yang berkaitan dalam pernyata kewangan Majlis Perbandaran Jasin atau, jika pendedahan tersebut tidak mencukupi, pendapat saya akan diubah. Kesimpulan saya dibuat berdasarkan bukti yang diperoleh sehingga tarikh Laporan Juruaudit.
- e. Menilai sama ada keseluruhan persembahan termasuk pendedahan pernyata kewangan Majlis Perbandaran Jasin memberi gambaran yang saksama.

Laporan Mengenai Keperluan Perundangan dan Peraturan Lain

Berdasarkan keperluan Akta Kerajaan Tempatan 1976, saya juga melaporkan bahawa pada pendapat saya, rekod perakaunan dan rekod lain yang dikehendaki Akta untuk disimpan oleh Majlis Perbandaran Jasin telah disimpan dengan sempurna menurut peruntukan Akta.

Hal-hal Lain

- a. Seperti yang dinyatakan pada Nota 2 kepada penyata kewangan, Majlis Perbandaran Jasin telah menerima pakai piawaian perakaunan *Malaysian Private Entities Reporting Standard (MPERS)* mulai 1 Januari 2016 dengan tarikh peralihan pada 1 Januari 2015. Piawaian ini diterima pakai secara retrospektif oleh Ahli Majlis terhadap angka perbandingan dalam penyata kewangan ini, termasuk Penyata Kedudukan Kewangan Majlis Perbandaran Jasin pada 31 Disember 2015 dan 1 Januari 2015, dan Penyata Kewangan Pendapatan, Penyata Perubahan Dalam Ekuiti serta Penyata Aliran Tunai bagi tahun berakhir pada 31 Disember 2015 dan pendedahan berkaitan. Saya tidak terikat untuk melaporkan angka perbandingan yang dinyatakan semula dan tidak diaudit. Tanggungjawab saya sebagai sebahagian daripada pengauditan penyata kewangan Majlis Perbandaran Jasin bagi tahun berakhir 31 Disember 2016, dalam keadaan ini, termasuk mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian yang baki awal pada 1 Januari 2016 tidak mengandungi salah nyata yang boleh memberi kesan ketara terhadap kedudukan kewangan pada 31 Disember 2016 dan prestasi kewangan dan aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut.
- b. Laporan ini dibuat untuk Ahli Majlis dan bukan untuk tujuan lain. Saya tidak bertanggungjawab terhadap pihak lain bagi kandungan laporan ini.

MELAKA
Bertarikh 3 Ogos 2017

JAAFAR BIN MD GAUTH
b.p. Ketua Audit Negara
Malaysia

PERNYATAAN OLEH AHLI-AHLI MAJLIS
MAJLIS PERBANDARAN JASIN, MELAKA

Kami, Jasmi bin Ahmad, (KP. 520822-04-5187) dan Abd Halim bin Ab. Ghani, (KP. 690818-04-5055) yang merupakan dua daripada Ahli Majlis, Majlis Perbandaran Jasin dengan ini menyatakan pada pendapat kami, Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Pendapatan Komprehensif, Penyata Perubahan Dalam Ekuiti dan Penyata Aliran Tunai yang berikut ini berserta dengan nota-nota didalamnya adalah disediakan untuk memberi pandangan yang benar dan saksama berkenaan dengan kedudukan Majlis Perbandaran Jasin pada 31 Disember 2016 dan hasil kendaliannya serta perubahan dalam kewangannya bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut.

Bagi Pihak Lembaga Ahli Majlis

JASMI BIN AHMAD
Ketua Ahli Majlis
Majlis Perbandaran Jasin

Bagi Pihak Lembaga Ahli Majlis

ABD HALIM BIN AB. GHANI
Timbalan Ketua Ahli Majlis
Majlis Perbandaran Jasin

WARTA KERAJAAN NEGERI MELAKA

25hb Mac 2021]

461

PENGAKUAN OLEH PEGAWAI UTAMA YANG BERTANGGUNGJAWAB KE ATAS PENGURUSAN KEWANGAN MAJLIS PERBANDARAN JASIN, MELAKA

Saya, Shadan bin Othman, (KP. 740104-04-5291) dengan sesungguh dan sebenarnya mengakui bahawa saya adalah pegawai utama yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan Majlis Perbandaran Jasin, Melaka dengan ikhlasnya mengakui bahawa Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Pendapatan Komprehensif, Penyata Perubahan Dalam Ekuiti dan Penyata Aliran Tunai yang berikut ini beserta nota-nota di dalamnya, mengikut sebaik-baik pengetahuan dan kepercayaan saya adalah benar dan saya membuat pengakuan ini dengan sebenarnya mempercayai bahawa ianya benar dan menurut kehendak undang-undang Akta Akuan Berkanun 1960 dan Akta Kerajaan Tempatan 1976.

Ditandatangani dan diakui
Oleh penama yang tersebut
di atas di Jasin, Melaka
Pada 27 April 2017

SHADAN BIN OTHMAN
(KP. 740104-04-5291)

Di hadapan saya :

No. A.M 031
KALAIYARASI A/P GOPALAN
Pesuruhjaya Sumpah Malaysia

SENARAI AHLI MAJLIS-AHLI MAJLIS TAHUN 2016

1. SHADAN BIN OTHMAN
2. ZAMRUD BIN YAHYA (bermula 1-4-2016)
3. DSP. SAMPORNAK BIN ISMAIL (bermula 1-3-2016)
4. DR. JASMI BIN AHMAD
5. ABD. HALIM BIN AB GHANI
6. NURUL WIDAYU BINTI ABDUL RAZAK
7. ABD. RAHMAN BIN HAJI ALI
8. MOHD SHARIF BIN ABD. MAJID
9. MOHAMAD ZAIDI BIN MOHAMAD HASHIM
10. HAJAH KHATIJAH BINTI BAHARI
11. IBRAHIM BIN RASOL
12. MOHD MOHTAR BIN AB. MAJIS
13. DAUD BIN MEKESAT
14. RAZANI BIN SEMAN
15. HAJAH NORMAH BINTI A.C PODESINGHO
16. ABDULLAH HASSAN BIN KASSIM
17. ISMAIL BIN AHMAD
18. ABDUL GHANI BIN ABDULLAH

19. TEE SENG SEIN
20. EE CHIOW PENG
21. NG CHEE FATT
22. CHOO CHIN CHYE
23. THAMILYANAN A/L M. MUTHIAH
24. TANG KE GEK
25. JASMI BIN MD TEGOL
26. SHAHRIDHAN BIN SHAHARAN
27. IR. AHMAD PARIDZ BIN ABDULLAH (sehingga 31-10-2016)
28. RAHMAN BIN MOHD. DIN (sehingga 31-3-2016)
29. DSP. MUHD NUR HISHAMUDDIN BIN HASHIM (sehingga 29-2-2016)

PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN PADA 31 DISEMBER 2016

	2016 Dinyatakan (RM)	2015 Semula (RM)
ASET BUKAN SEMASA		
Hartanah, loji dan peralatan (Nota 6)	10,144,701	8,057,269
Hartanah pelaburan (Nota 7)	31,026,843	25,504,346
	<hr/> 41,171,544	<hr/> 33,561,615
ASET SEMASA		
Penghutang (Nota 8)	9,730,605	6,744,925
Pelbagai penghutang, deposit dan prabayar (Nota 9)	1,242,759	1,083,870
Tunai dan kesetaraan tunai (Nota 10)	11,428,270	11,161,283
	<hr/> 22,401,634	<hr/> 18,990,078
TOLAK:		
LIABILITI SEMASA		
Pembiutang (Nota 11)	13,812,919	9,735,823
Penerimaan terdahulu (Nota 12)	2,327,463	2,152,317
Pendahuluan diterima (Nota 13)	6,527,273	6,320,174
Tabung Ex-Gratia (Nota 14)	90	66
Pinjaman Kerajaan Negeri Melaka (Nota 15)	97,542	93,723
Pembiutang sewa beli kenderaan (Nota 16)	202,492	96,240
	<hr/> 22,967,779	<hr/> 18,398,343
(LIABILITI)/ASET SEMASA BERSIH	(566,145)	591,735
	<hr/> 40,605,399	<hr/> 34,153,350
DIBIAYAI OLEH MODAL:		
Kumpulan Wang Majlis (Nota 17)	20,963,824	22,621,975

WARTA KERAJAAN NEGERI MELAKA

25hb Mac 2021]

463

	2016 (RM)	2015 Dinyatakan Semula (RM)
Tabung Pinjaman Majlis Perbandaran Jasin (Nota 18)	198,375	198,375
Rezab penilaian semula harta	<u>10,439,536</u>	<u>2,180,996</u>
	<u>31,601,735</u>	<u>25,001,346</u>

LIABILITI BUKAN SEMASA

Pajakan Tertunda (Nota 19)	545,621	583,287
Geran tertunda (Nota 20)	7,432,496	7,822,421
Pinjaman Kerajaan Negeri Melaka (Nota 15)	262,794	379,166
Pembiutang sewa beli kenderaan (Nota 16)	762,753	367,130
	<u>9,003,664</u>	<u>9,152,004</u>
	<u>40,605,399</u>	<u>34,153,35</u>

Nota yang disertakan merupakan sebahagian daripada Penyata Kewangan.

PENYATA PENDAPATAN BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2016

	2016 (RM)	2015 Dinyatakan Semula (RM)
PENDAPATAN		
Hasil Cukai (Nota 22)	6,576,532	6,416,773
Lesen dan permit (Nota 23)	1,534,864	1,337,541
Perkhidmatan (Nota 24)	788,126	1,168,147
Sewaan (Nota 25)	1,571,843	1,395,046
Danda dan hukuman (Nota 26)	<u>687,796</u>	<u>612,753</u>
	<u>11,159,161</u>	<u>10,930,260</u>

LAIN-LAIN PENDAPATAN

Perolehan daripada jualan (Nota 27)	122,945	97,053
Faedah (Nota 28)	343,783	328,789
Lain-lain pendapatan (Nota 29)	<u>15,890,930</u>	<u>13,385,286</u>
	<u>16,357,658</u>	<u>13,811,128</u>

TOLAK:

BELANJA PENTADBIRAN

Emolumen (Nota 30)	9,003,539	7,881,591
Bekalan dan perkhidmatan (Nota 31)	18,449,855	15,033,023
Perbelanjaan lain (Nota 32)	1,722,553	1,829,079
	<u>29,175,947</u>	<u>24,743,693</u>

KURANGAN PENDAPATAN

(1,659,128)	(2,305)
-------------	---------

Nota yang disertakan merupakan sebahagian daripada Penyata Kewangan.

PENYATA PERUBAHAN DALAM EKUITI BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2016

WARTA KERAJAAN NEGERI MELAKA

464

[25hb Mac 2021]

	Kumpulan Wang Majlis	Tabung Pinjaman MPJ	Rezab Penilaian Semula Harta	Jumlah
	RM	RM	RM	RM
Baki pada 1 Januari 2015	22,633,168	198,375	2,180,996	25,012,539
Pelarasan	(8,888)	—	—	(8,888)
Lebihan pendapatan	(2,305)	—	—	(2,305)
<hr/>	<hr/>	<hr/>	<hr/>	<hr/>
Baki pada 31 Disember 2015	22,621,975	198,375	2,180,996	25,001,346
Pelarasan	977	—	8,258,540	8,259,517
Kurangan pendapatan	(1,659,128)	—	—	(1,659,128)
<hr/>	<hr/>	<hr/>	<hr/>	<hr/>
Baki pada 31 Disember 2016	20,963,824	198,375	10,439,536	31,601,735
<hr/>	<hr/>	<hr/>	<hr/>	<hr/>

Nota yang disertakan merupakan sebahagian daripada Penyata Kewangan.

PENYATA ALIRAN TUNAI BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2016

	2016	2015
	Dinyatakan Semula	(RM)
ALIRAN TUNAI DARI AKTIVITI OPERASI		
(Kurangan) dari perbelanjaan	(1,659,128)	(2,305)
Pelarasan:		
Caj warisan terlebih nyata	—	112
Pelarasan susutnilai terkumpul tanah milik kekal tahun kewangan sebelum	—	600
Pelarasan pelunasan geran tertunda terkumpul – Lain- lain Aset	—	(9,600)
Pelarasan baki tunai di tangan	1,342	—
Pelarasan sewa gerai tahun kewangan sebelum	(365)	—
Susutnilai harta tanah, loji dan peralatan	491,705	1,474,017
Susutnilai harta tanah pelaburan	1,068,390	—
Hasil faedah	(343,783)	(328,789)
Belanja faedah	46,104	15,712
untung atas penjualan kenderaan	(35,913)	—
Rugi atas penjualan peralatan	—	14,532
Pengkelasan semula tanah pejabat baru (PT 5379 & 5656)	—	948,920
Peningkatan nilai saksama tanah	(1,667,653)	—
Peningkatan nilai saksama harta tanah pelaburan - tanah	(6,590,887)	—
<hr/>	<hr/>	<hr/>
(Kurangan)/lebihan pendapatan dari perbelanjaan sebelum pertukaran modal kerja	(8,690,188)	2,113,199
<hr/>	<hr/>	<hr/>
(Penambahan)/pengurangan aset semasa:		
Penghutang	(2,985,680)	1,333,749
Pelbagai penghutang, deposit dan prabayar	(158,889)	21,008,436
Penambahan/(pengurangan) liabiliti semasa:		
Pemiutang	4,077,096	(782,420)

WARTA KERAJAAN NEGERI MELAKA

25hb Mac 2021]

465

	2016	2015 Dinyatakan Semula
Penerimaan terdahulu	175,146	(23,055,343)
Pendahuluan diterima	207,099	(206,115)
Tabung Ex-Gratia	24	(1,457)
	<hr/>	<hr/>
Faedah dibayar	(7,375,392)	410,049
	(46,104)	(15,712)
Tunai bersih diperolehi dari aktiviti operasi	<hr/>	<hr/>
	(7,421,496)	394,337
	<hr/>	<hr/>
ALIRAN TUNAI DARI AKTIVITI PELABURAN		
Pembelian hartaanah, loji dan peralatan	(911,487)	(1,516,093)
Penerimaan atas jualan aset tetap	35,916	150
Rugi atas pelarasan tanah milik kekal tahun kewangan sebelum	—	(600)
Faedah diterima	343,783	328,789
Simpanan tetap dicagar	(13,880)	(12,825)
	<hr/>	<hr/>
Tunai bersih digunakan untuk aktiviti pelaburan	(545,668)	(1,200,579)
	<hr/>	<hr/>
ALIRAN TUNAI DARI AKTIVITI PEMBIAYAAN		
Pinjaman Kerajaan Negeri Melaka	—	500,000
Bayaran balik Pinjaman Kerajaan Negeri Melaka	(112,554)	(27,110)
Pembiutang sewa beli	621,700	407,000
Bayaran balik kepada pembiutang sewabeli	(119,824)	(107,481)
Rezab penilaian semula harta	8,258,540	—
Pajakan tertunda	(37,666)	(37,666)
Geran tertunda	(389,925)	526,845
	<hr/>	<hr/>
Tunai bersih (digunakan)/diperolehi dari aktiviti pembiayaan	8,220,271	1,261,588
	<hr/>	<hr/>
TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI		
Penambahan bersih	253,107	455,346
Wang tunai dan kesetaraan tunai pada awal tahun	10,741,298	10,285,952
	<hr/>	<hr/>
Wang tunai dan kesetaraan tunai pada akhir tahun	10,994,405	10,741,298
	<hr/>	<hr/>
PECAHAN TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI		
Wang dibank dan wang di tangan	11,428,270	11,161,283
Tolak: Simpanan Tetap dicagar (Nota 35)	(433,865)	(419,985)
	<hr/>	<hr/>
	10,994,405	10,741,298
	<hr/>	<hr/>

Nota yang disertakan merupakan sebahagian daripada Penyata Kewangan.

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2016

1. MAKLUMAT AM

Majlis Perbandaran Jasin telah ditubuhkan di bawah Akta Kerajaan Tempatan (Akta 171). Majlis telah dinaiktaraf dariada Majlis Daerah Jasin pada 1 Januari 2007 melalui Warta Kerajaan yang disiarkan pada 28 Disember 2006.

Majlis komited untuk memberikan perkhidmatan perbandaran yang terbaik, berkualiti, telus dan cekap melalui penggembelangan tenaga dan sumber secara optimum. Misi Majlis adalah untuk menjadikan Daerah Jasin sebagai sebuah perbandaran dinamik yang mengutamakan pembangunan lestari dan bestari menjelang tahun 2020.

2. ASAS BAGI PENYEDIAAN PENYATA KEWANGAN

Penyata kewangan Majlis telah disediakan menurut Piawaian Laporan Kewangan Entiti Persendirian Malaysia ("MPERS") yang dikeluarkan oleh Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia ("MASB").

2.1 PERALIHAN KE RANGKA KERJA MPERS YANG BARU

Pada tahun kewangan semasa, Majlis telah menerima pakai Rangka Kerja MPERS. Tarikh peralihan kepada Rangka Kerja MPERS adalah pada 1 Januari 2015.

Menerima pakai Rangka Kerja MPERS mewajibkan semua Seksyen di dalam MPERS diguna pakai dalam penyediaan penyata kewangan Majlis pada tahun kewangan berakhir pada 31 Disember 2016, penyata kewangan perbandingan bagi Majlis pada tahun kewangan berakhir pada 31 Disember 2015, dan penyediaan penyata kedudukan kewangan bagi Majlis pada tarikh peralihan kepada MPERS. MPERS memberikan pengecualian mandatori dan tidak mandatori kepada penerimaan pakai retrospektif untuk Seksyen tertentu di dalam MPERS. Majlis tidak memilih untuk menerima pakai pengecualian tidak mandatori dalam menerima pakai Rangka Kerja MPERS.

2.2 PERUBAHAN DALAM POLISI-POLISI PERAKAUNAN

Menerima pakai Rangka Kerja MPERS juga memerlukan Majlis mengubah polisi-polisi perakaunan berkaitan dengan pengiktirafan dan pengukuran untuk item-item tertentu. Tiada kesan yang material kepada polisi-polisi perakaunan yang diguna pakai oleh Majlis selain daripada yang dinyatakan di Nota 3.9.

2.3 MENERIMA PAKAI AWAL BAGI PENAMBAIKAN KEPADA MPERS

Pada Oktober 2015, MASB telah mengeluarkan penambahbaikan kepada MPERS yang berkuat kuasa pada penyata kewangan bermula pada atau selepas 1 Januari 2017 di mana menerima pakai awal adalah dibenarkan. Majlis telah memilih untuk menerima pakai awal penambahbaikan kepada MPERS tersebut pada tahun kewangan semasa berakhir 31 Disember 2016. Menerima pakai awal penambahbaikan kepada MPERS tersebut tidak mendatangkan sebarang kesan kepada penyata kewangan Majlis pada tahun kewangan semasa berakhir 31 Disember 2016 dan penyata kewangan perbandingan bagi Majlis pada tahun kewangan berakhir pada 31 Disember 2015.

3. RINGKASAN ASAS-ASAS PERAKAUNAN YANG KETARA

3.1 ASAS PENYEDIAAN

Penyata kewangan ini telah disediakan berasaskan kos sejarah kecuali sebagaimana yang dinyatakan dalam asas-asas perakaunan di bawah.

Penyediaan penyata kewangan dalam mematuhi MPERS memerlukan penggunaan anggaran dan andaian yang memberi kesan kepada jumlah aset dan liabiliti yang dilaporkan dan pendedahan aset dan liabiliti luar jangka pada tarikh penyata kewangan, dan jumlah hasil dan belanja yang dilaporkan dalam tempoh laporan. Walaupun anggaran ini berdasarkan pengetahuan terbaik para pengarah tentang keadaan dan tindakan semasa, hasil sebenar mungkin berlainan daripada anggaran tersebut.

Ia juga memerlukan pihak pengurusan membuat penilaian dalam proses mengaplikasikan polisi-polisi perakaunan Majlis, perkara-perkara yang melibatkan penilaian yang lebih tinggi atas perkara yang kompleks, atau perkara di mana andaian dan anggaran yang penting kepada penyata kewangan sebagaimana didedahkan dalam Nota 4.

3.2 MATA WANG FUNGSIAN DAN MATA WANG PEMBENTANGAN

Penyata Kewangan dalam Majlis dibentangkan dalam Ringgit Malaysia (RM), yang juga merupakan mata fungsian Majlis.

3.3 HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN

Semua item hartaanah, loji dan peralatan pada mulanya direkod pada kos. Kos sesuatu hartaanah, loji dan peralatan hanya diiktiraf sebagai aset jika, dan hanya jika manfaat ekonomi masa depan yang dikaitkan dengan item tersebut akan mengalir ke dalam Majlis dan kos item tersebut boleh diukur dengan pasti.

Selepas pengiktirafan, hartaanah, loji dan peralatan diukur pada kos tolak susutnilai terkumpul dan sebarang kerugian rosotnilai terkumpul. Tanah milik pajakan disusutnilaikan atas baki masa pajakan. Susutnilai harta tetap dikira berdasarkan kaedah garis lurus untuk menghapuskan kos atau penilaian semula setiap harta berdasarkan jangkamasa harta tersebut boleh digunakan.

Hartaanah, loji dan peralatan

Bangunan Kekal	2%
Bangunan Separuh Kekal	2% - 5%
Kenderaan & Jentera	20%
Komputer	20%
Lain-lain Harta	20%
Mesin Pejabat	10%
Alat Kelengkapan Pejabat	10%
Perabot Pejabat	10%

Sisa nilai, jangka hayat dan kaedah susut nilai disemak semula pada setiap akhir tahun kewangan, dan dilaraskan secara prospektif, jika sesuai.

Sesuatu item hartaanah, loji dan peralatan dinyahiktiraf atas pelupusan atau apabila tiada manfaat ekonomi masa hadapan dijangka daripada penggunaanya atau pelupusan. Sebarang untung atau rugi atas nyahiktiraf aset tersebut diambilkira di dalam untung atau rugi dalam tahun aset tersebut dinyahiktiraf.

3.4 HARTANAH PELABURAN

Majlis mengiktiraf bangunan dan gerai sebagai hartaanah pelaburan jika ianya tertakluk di dalam objektif model kegiatan Majlis di mana bangunan dan gerai dipegang bagi mendapatkan kenaikan modal, hasil sewa atau kedua-duanya.

Hartaanah pelaburan pada mulanya diukur pada kos, termasuk kos urusniaga. Selepas pengiktirafan awal, hartaanah pelaburan diukur pada nilai saksama yang menggambarkan keadaan-keadaan pasaran pada tarikh laporan. Nilai saksama diperoleh dengan merujuk kepada bukti pasaran bagi harga-harga urusniaga bagi hartaanah yang serupa dan dilakukan oleh para penilai bebas atau para penilai Majlis yang berdaftar yang memiliki kelayakan profesional diiktiraf yang sewajarnya dan mempunyai pengalaman terkini dalam lokasi dan kategori harta yang dinilai. Untung atau rugi yang timbul daripada perubahan dalam nilai-nilai saksama bagi hartaanah pelaburan dimasukkan dalam untung atau rugi dalam tahun di mana ianya timbul.

Hartaanah pelaburan adalah dinyahiktiraf sama ada selepas ia dilupus atau bila hartaanah pelaburan tersebut tidak lagi digunakan selama-lamanya dan tiada manfaat ekonomi pada masa depan akan diperoleh daripada penjualannya. Sebarang untung atau rugi atas penamatkan penggunaan atau pelupusan hartaanah pelaburan diiktiraf dalam untung atau rugi pada tahun penamatkan penggunaan atau pelupusan.

Pindahan-pindahan dibuat kepada atau daripada hartaanah pelaburan hanya apabila ada perubahan dalam kegunaanya. Bagi pindahan daripada hartaanah pelaburan kepada hartaanah didiami-pemilik, kos yang dianggar bagi perakaunan seterusnya adalah nilai saksama pada tarikh perubahan dalam kegunaan. Bagi pindahan daripada harta didiami-pemilik kepada hartaanah pelaburan, harta tersebut diambilkira menurut dasar perakaunan bagi hartaanah, loji dan peralatan yang dinyatakan dalam Nota 3.3 sehingga ke tarikh perubahan dalam kegunaan.

3.5 PENURUNAN NILAI ASET BUKAN KEWANGAN

Majlis menilai pada setiap tarikh laporan sama ada terdapat satu indikasi bahawa aset mungkin dirosotnilai. Sekiranya indikasi sedemikian wujud, atau bila penilaian rosotnilai secara tahunan bagi aset diperlukan, Majlis membuat anggaran jumlah boleh diperoleh semula daripada aset tersebut.

Amaun boleh pulih daripada sesuatu aset adalah jumlah yang lebih tinggi bagi nilai saksama aset tolak kos untuk menjual dan nilainya bila diguna. Bagi tujuan penilaian rosotnilai, aset dikumpulkan pada tahap yang paling rendah untuk mana terdapat aliran tunai boleh dikenalpasti secara berasingan (Unit Penjanaan Tunai – UPT).

Dalam menaksir nilai kegunaan, anggaran aliran tunai masa hadapan yang dijangka akan dijana oleh aset tersebut didiskaun kepada nilai semasa menggunakan kadar diskauan prarukai yang menggambarkan penilaian pasaran semasa bagi nilai masa wang dan risiko-risiko yang khusus terhadap aset tersebut. Jika nilai bawa sesuatu aset melebihi amaun boleh pulih, aset tersebut dijurangkan kepada amaun boleh pulih. Kerugian rosotnilai berhubung UPT atau kumpulan UPT diperuntukkan dahulu untuk mengurangkan nilai bawaan bagi sebarang muhibah yang diperuntukkan kepada unit-unit atau kumpulan unit tersebut dan kemudian, untuk mengurangkan nilai bawaan aset-aset lain dalam unit atau kumpulan unit berdasarkan pro-rata.

Kerugian rosotnilai diiktiraf dalam untung rugi.

Penilaian dibuat pada setiap tarikh laporan untuk menentukan sama ada terdapatnya sebarang indikasi bahawa kerugian rosotnilai diiktiraf terdahulu mungkin tidak lagi wujud atau mungkin telah berkurangan. Kerugian rosotnilai diiktiraf terdahulu diterbalikkan semula hanya jika terdapatnya perubahan dalam anggaran-anggaran yang digunakan untuk menentukan amaun boleh pulih aset sejak kerugian rosotnilai kali terakhir. Sekiranya demikian, nilai bawaan aset tersebut ditingkatkan kepada amaun boleh pulih. Peningkatan tersebut tidak boleh melebihi nilai bawaan yang mungkin telah ditentukan, bersih setelah ditolak susut nilai, tidak mempunyai kerugian rosotnilai yang telah diiktiraf sebelum ini. Pembalikan semula sedemikian diiktiraf dalam untung atau rugi. Kerugian rosotnilai atas muhibah tidak diterbalikkan semula dalam tempoh berikutnya.

3.6 TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI

Tunai dan kesetaraan tunai terdiri daripada tunai di bank dan di tangan, simpanan tetap dan pelaburan-pelaburan jangka pendek dan yang sangat mudah untuk ditukar kepada tunai yang diketahui jumlahnya yang tertakluk kepada risiko perubahan dalam nilai yang tidak signifikan. Bagi tujuan penyata aliran tunai, tunai dan kesetaraan tunai dinyatakan selepas ditolak deposit yang dicagarkan, jika ada.

3.7 LIABILITI SEMASA PINJAMAN KERAJAAN NEGERI

Amaun ini termasuk pinjaman pokok yang dijelaskan bagi 12 bulan dari tarikh laporan bagi pinjaman Kerajaan Negeri dan pinjaman Badan Berkanun serta faedah terakru pada tarikh laporan.

3.8 GERAN DAN SUMBANGAN KERAJAAN

Geran kerajaan diiktiraf pada nilai saksama di penyata kedudukan kewangan merupakan pendapatan tertunda yang mana ia terdapat kepastian munasabah bahawa geran akan diterima dan semua syarat yang berkaitan telah dipatuhi.

3.9 PERUNTUKAN

Peruntukan diiktiraf apabila Majlis mempunyai obligasi semasa (perundangan dan konstruktif) disebabkan satu peristiwa lepas, ianya berkemungkinan bahawa aliran keluar sumber-sumber ekonomi diperlukan untuk menjelaskan obligasi tersebut dan jumlah obligasi tersebut boleh dianggarkan dengan pasti.

Peruntukan dikaji semula pada setiap tarikh laporan dan dilaraskan untuk mencerminkan anggaran terbaik semasa. Sekiranya tiada lagi kemungkinan bahawa aliran keluar sumber-sumber ekonomi akan diperlukan untuk menjelaskan obligasi tersebut, peruntukan-peruntukan didiskaun menggunakan kadar pra-cukai semasa. Bila pendiskaunan digunakan, peningkatan dalam peruntukan adalah disebabkan oleh peredaran masa yang berlalu adalah diiktiraf sebagai kos kewangan.

Peruntukan hutang rugu akan dibuat ke atas penghutang yang umur tunggakannya melebihi tiga (3) tahun kecuali bagi Penghutang Cukai Taksiran.

3.10 INSTRUMEN KEWANGAN

(a) Pengiktirafan awal dan pengukuran

Aset dan liabiliti kewangan diiktiraf dalam penyata kedudukan kewangan bila, dan hanya apabila Majlis menjadi satu pihak kepada peruntukan kontrak instrumen kewangan.

Apabila aset dan liabiliti kewangan diiktiraf pada awalnya, bagi kes aset dan liabiliti kewangan tidak pada nilai saksama melalui untung atau rugi, ianya diukur pada nilai saksama berserta kos-kos transaksi yang berkaitan secara langsung. Bagi instrumen kewangan yang diiktiraf pada nilai saksama melalui untung atau rugi, kos-kos transaksi yang berkaitan akan dicajkan dalam untung atau rugi pada masa ianya berlaku.

(b) Penyahiktirafan

Untuk penyahiktirafan, Majlis akan menilai sama ada aset atau liabiliti kewangan perlu dinyahiktiraf secara keseluruhan atau secara sebahagian atau secara kelompok mengikut item yang sama.

Aset kewangan yang dinyahiktiraf bila hak kontrak untuk menerima aliran tunai daripada aset tersebut telah loput, ataupun apabila Majlis memindahkan hak konstruktif untuk menerima aliran tunai dan tidak lagi memegang hak milik risiko dan ganjaran yang signifikan ke atas aset kewangan atau tidak lagi terlibat di dalam memegang hak berterusan ke atas aset kewangan yang telah dipindahkan.

Suatu liabiliti kewangan dinyahiktiraf apabila obligasi di bawah liabiliti tersebut dihapuskan. Apabila suatu liabiliti dinyahiktiraf apabila obligasi di bawah liabiliti tersebut terhapus. Apabila suatu liabiliti kewangan sedia ada digantikan dengan yang lain daripada peminjam yang sama dengan terma-terma yang jauh berbeza, atau terma-terma bagi liabiliti sedia ada diubah dengan ketara, pertukaran tersebut atau modifikasi sedemikian dianggap sebagai nyahiktiraf bagi liabiliti asal dan pengiktirafan satu liabiliti baru dan perbezaan dalam nilai bawaan masing-masing diiktiraf dalam untung atau rugi.

(c) Pengukuran seterusnya untuk aset-aset kewangan

Bagi pengukuran seterusnya, Majlis menentukan klasifikasi aset kewangan mereka kepada dua kategori:

- i. Aset kewangan pada nilai saksama melalui untung atau rugi, dan
- ii. Aset kewangan dibawa pada kos selepas pelunasan

Selepas pengiktirafan awal, Majlis menilai pelaburan saham tersiar harga pada nilai saksama berdasarkan harga dalam pasaran aktif, jika boleh diperhatikan, atau melalui teknik penilaian, tanpa ada pengurangan kos transaksi yang mungkin berlaku ketika jualan atau pelupusan pelaburan.

Selain daripada aset kewangan pada nilai saksama melalui untung atau rugi aset kewangan yang lain adalah tertakluk kepada penilaian kerugian rosot nilai seperti yang dinyatakan di Nota 3.9(g).

(d) Pengukuran seterusnya untuk liabiliti-liabiliti kewangan

Bagi pengukuran seterusnya, Majlis mengklasifikasikan liabiliti kewangan sebagai ‘liabiliti kewangan lain’. Liabiliti kewangan lain bagi Majlis termasuk pemutang perdagangan, lain-lain pemutang dan pinjaman dan pemberiaan.

Pemutang perdagangan dan lain-lain diiktiraf pada awalnya pada nilai saksama ditambah kos-kos urusniaga berkaitan secara langsung dan seterusnya diukur pada kos dilunas menggunakan kaedah berkesan.

Pinjaman dan pemberiaan diiktiraf pada awalnya pada nilai saksama, selepas kos-kos urusniaga, dan seterusnya diukur pada kos dilunas menggunakan kaedah berkesan. Pinjaman diklasifikasi sebagai liabiliti semasa melainkan Perbadanan mempunyai satu hak tanpa syarat untuk menunda penjelasan liabiliti tersebut untuk sekurang-kurangnya 12 bulan selepas tarikh laporan kewangan.

(e) Pengukuran nilai saksama bagi instrumen kewangan

Pengukuran nilai saksama bagi aset atau liabiliti kewangan adalah berdasarkan kepada anggaran bahawa transaksi untuk menjual aset atau memindahkan liabiliti berlaku sama ada dalam pasaran utama, dalam keadaan pasaran yang paling menguntungkan bagi aset dan liabiliti.

Dalam kes tiadanya harga pasaran dalam pasaran aktif bagi aset atau liabiliti yang serupa, pengukuran nilai saksama boleh dibuat berdasarkan teknik penilaian yang mana menggunakan input dalam pasaran yang boleh diperhatikan berkaitan aset atau liabiliti.

Dalam kes ketiadaan harga pasaran dan input yang boleh diperhatikan, pengukuran nilai saksama dibuat berdasarkan anggaran teknik penilaian menggunakan input yang tidak boleh diperhatikan, termasuk anggaran yang bersesuaian dan bersokongan yang dibuat oleh pengurusan Majlis.

(f) Pengiktirafan keuntungan dan kerugian daripada perubahan nilai saksama

Perubahan nilai saksama bagi aset dan liabiliti kewangan yang diklasifikasi sebagai nilai saksama diiktiraf dalam untung atau rugi.

Untuk aset dan liabiliti kewangan dibawa pada kos selepas pelunasan, keuntungan atau kerugian diiktiraf dalam untung atau rugi hanya apabila aset atau liabiliti kewangan dinyahiktiraf atau mengalami kerugian rosotnilai dan melalui proses pelunasan instrumen tersebut.

(g) Rosotnilai aset-aset kewangan

Majlis menilai pada setiap laporan untuk menentukan sama ada terdapatnya bukti yang objektif bahawa aset kewangan mengalami rosotnilai.

Bukti-bukti objektif untuk rosotnilai termasuk:

Kesukaran kewangan yang ketara oleh obligor

Pelanggaran kontrak, sebagai contoh kemungkir atau kelewatan bayaran balik faedah atau bayaran pokok bagi pinjaman

Pemberian konsesi yang luar biasa kepada peminjam

Peminjam berkemungkinan akan bangkrap atau akan melakukan penyusunan semula kewangan lain.

Peminjam tidak lagi berada dalam pasaran yang aktif kerana masalah kewangan,

Data yang boleh diperhatikan menunjukkan terdapat penurunan yang boleh diukur dalam anggaran aliran tunai masa depan daripada aset kewangan sejak pengiktirafan awal aset.

Bagi penghutang perdagangan dan lain-lain penghutang yang mana kesan pendiskauan adalah tidak ketara, penilaian kerugian rosotnilai dibuat secara individu untuk setiap penghutang yang signifikan apabila ada indikasi rosotnilai. Peruntukan rosotnilai akan dibuat bagi penghutang dagangan yang mempunyai tunggakan lebih dari 3 tahun.

Bagi penghutang perdagangan dan lain-lain penghutang yang signifikan tetapi tiada kerugian rosotnilai diiktiraf, penghutang ini akan dikumpulkan bersama berdasarkan kategori risiko kredit dan analisa pengumuran berdasarkan baki tertinggak. Penilaian rosotnilai akan dibuat secara kolektif berdasarkan sejarah dalam kutipan hutang dan keadaan semasa.

3.11 PENGIKTIRAFAN HASIL

Hasil diiktiraf di mana terdapatnya kemungkinan bahawa manfaat-manfaat ekonomi akan mengalir kepada Perbadanan dan hasil tersebut boleh diukur dengan pasti. Hasil diukur pada nilai saksama bagi pertimbangan diterima atau akan diterima.

(a) Hasil cukai taksiran

Cukai taksiran adalah hasil cukai yang dikenakan ke atas pegangan harta berkadar yang terletak di dalam kawasan Majlis. Cukai Taksiran di iktiraf sebagai hasil dalam Penyata Prestasi Kewangan semasa bil cukai semasa dikeluarkan iaitu pada setiap 1 Januari.

(b) Lesen dan permit

Majlis merekodkan semua bayaran yang dikenakan berhubung dengan pemberian kelulusan atau kebenaran kepada individu, perbadanan, perniagaan dan perusahaan-perusahaan lain untuk tujuan peraturan dan kawalan. Ianya termasuk lesen perniagaan, permit sementara, lesen anjing, iklan dan lain-lain.

(c) Pendapatan sewa

Hasil sewa dikenakan ke atas premis-premis Majlis mengikut syarat perjanjian penyewaan.

3.12 KOS PINJAMAN

Kos pinjaman diiktiraf dalam untung atau rugi dalam tempoh ianya ditanggung. Kos pinjaman terdiri daripada kos faedah dan kos lain yang mana Majlis menanggung berhubung dengan pinjaman dana berkenaan.

3.13 MANFAAT KAKITANGAN

(a) Manfaat jangka pendek

Upah, gaji, bonus dan caruman keselamatan sosial diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam tahun di mana perkhidmatan yang berkaitan diberikan oleh kakitangan. Pampasan ketidakhadiran terkumpul jangka pendek seperti cuti tahunan berbayar diiktiraf apabila perkhidmatan diberikan oleh kakitangan yang meningkatkan hak mereka kepada pampasan ketidakhadiran masa hadapan. Pampasan ketidakhadiran tidak terkumpul jangka pendek seperti cuti sakit akan diiktiraf apabila ketidakhadiran berlaku.

(b) Pelan caruman yang ditetapkan

Majlis mencarum kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dan Kumpulan Wang Persaraan (KWAP) kepada pekerja yang layak. Amaun caruman akan diiktiraf dalam untung atau rugi apabila pembayaran dibuat kepada Kumpulan Wang terbabit.

(c) Manfaat penamatan kakitangan

Manfaat penamatan kakitangan adalah diiktiraf apabila persetujuan dicapai dengan wakil kakitangan mengenai terma penamatan kakitangan atau setelah kakitangan yang terbabit diberitahu mengenai terma-terma yang berkaitan secara spesifik.

3.14 MANFAAT KEPADA AHLI MAJLIS

Elaun kepada Ahli Majlis dibayar berdasarkan kelulusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN). Elaun diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam tahun berkenaan.

3.15 PENYATA ALIRAN TUNAI

Perbadanan menggunakan kaedah tidak langsung dalam menyediakan Penyata Aliran Tunai.

4. PERTIMBANGAN DAN ANGGARAN PERAKAUNAN YANG KETARA

Penyediaan penyata kewangan Majlis memerlukan pihak pengurusan membuat pertimbangan, anggaran dan andaian yang boleh memberi kesan kepada jumlah pendapatan, perbelanjaan, aset dan liabiliti dan pendedahan liabiliti luar jangka oleh pihak pengurusan pada tarikh laporan ini. Walau bagaimanapun, ketidaktentuan mengenai andaian dan anggaran ini boleh menyebabkan pelarasian yang ketara perlu dibuat ke atas jumlah aset atau liabiliti di masa akan datang.

4.1 PERTIMBANGAN DALAM MENERIMA PAKAI DASAR-DASAR PERAKAUNAN

Dalam proses menggunakan dasar perakaunan Majlis, pihak pengurusan telah membuat pertimbangan berikut yang mempunyai kesan paling ketara ke atas jumlah diiktiraf di dalam penyata kewangan:

Klasifikasi antara pelaburan hartanah, loji dan kelengkapan

Majlis telah mewujudkan kriteria tertentu berdasarkan Seksyen 16, MPERS dalam membuat pertimbangan sama ada hartanah layak diiktiraf sebagai hartanah pelaburan. Hartanah pelaburan adalah harta yang digunakan untuk mendapatkan sewa atau untuk kenaikan modal atau kedua-duanya.

Sesetengah hartanah terdiri daripada sebahagian yang dipegang untuk mperoleh sewa atau untuk kenaikan modal dan pilihan lain yang dipegang untuk kegunaan dalam perkhidmatan atau tujuan pentadbiran. Sekiranya bahagian ini boleh dijual secara berasingan (atau dipajak secara berasingan di bawah pajakan kewangan), Majlis akan mengambil kira bahagian tersebut secara berasingan.

Sekiranya bahagian ini tidak boleh dijual secara berasingan, hartanah ini merupakan hartanah pelaburan hanya jika bahagian yang tidak ketara dipegang untuk kegunaan dalam perkhidmatan atau tujuan pentadbiran. Penilaian dibuat ke atas hartanah secara individu untuk menentukan sama ada perkhidmatan sampingan adalah begitu ketara bahawa hartanah tidak layak sebagai hartanah pelaburan.

4.2 PUNCA UTAMA KETIDAKPASTIAN ANGGARAN

Andaian utama berhubung masa hadapan dan punca utama ketidakpastian anggaran pada tarikh laporan ini yang mempunyai risiko signifikan yang boleh menyebabkan pelarasian ketara kepada jumlah aset dan liabiliti dalam tahun kewangan akan datang adalah dibincangkan di bawah:

(a) Rosotnilai penghutang

Majlis menilai pada setiap tarikh laporan sama ada terdapat bukti yang objektif bahawa satu aset kewangan telah mengalami rosotnilai. Untuk menentukan sama ada terdapatnya bukti yang objektif bagi rosotnilai, Majlis mempertimbangkan faktor-faktor seperti kebarangkalian ketidakmampuan bayar atau kesukaran kewangan yang ketara penghutang dan kemungkinan atau kelewatian ketara dalam membuat bayaran.

Dimana terdapat bukti yang objektif bagi rosotnilai, jumlah dan penjadualan waktu bagi aliran tunai masa depan dianggar berdasarkan pengalaman kerugian asal bagi aset-aset dengan ciri-ciri risiko kredit yang serupa. Nilai bawaan dan perincian mengenai penghutang Majlis pada tarikh laporan adalah dinyatakan dalam Nota – Penghutang Perdagangan dan Lain-lain.

(b) Nilai saksama hartaanah pelaburan

Nilai saksama hartaanah pelaburan Majlis adalah berdasarkan penilaian yang dibuat oleh penilai-penilai profesional. Penilaian itu menggunakan anggaran, pertimbangan dan andaian dalam penentuan nilai saksama bagi pelaburan hartaanah. Penilaian yang membentukasanya bagi jumlah dibawa dalam penyata kewangan dinyatakan di Nota-Hartaanah Pelaburan.

5. PENJELASAN BAGI PERALIHAN KE RANGKA KERJA MPERS

Pada tahun kewangan semasa, Majlis telah menerima pakai Rangka Kerja MPERS bagi penyata kewangan Majlis bagi tahun berakhir 31 Disember 2016. Ini adalah tahun pertama Majlis menerima pakai Rangka Kerja MPERS.

Majlis telah menerima pakai Rangka Kerja MPERS dan mewajibkan semua seksyen seksyen di dalam MPERS di gunakan dalam penyediaan penyata kewangan Majlis pada tahun kewangan berakhir pada 31 Disember 2016, penyata kewangan perbandingan bagi Majlis pada tahun kewangan berakhir 31 Disember 2015, dan penyediaan penyata kedudukan kewangan bagi Majlis pada tarikh peralihan kepada MPERS.

Kesan pemakaian MPERS ke atas penyata kewangan Majlis pada 1 Januari 2015 selepas mengambilkira penggunaan pengecualian dan pertukaran dasar-dasar perakuan adalah seperti berikut:

	PERS (beraudit 2015)	Kesan MPERS	MPERS
	RM	RM	RM
ASET BUKAN SEMASA			
Hartanah, loji dan peralatan	34,482,542	—	34,482,542
	<hr/>	<hr/>	<hr/>
	34,482,542	—	34,482,542
ASET SEMASA			
Simpanan Tetap	7,516,871	—	7,516,871
Penghutang	8,078,674	—	8,078,674
Pelbagai penghutang, deposit dan prabayar	22,092,307	—	22,092,307
Wang di bank dan wang di tangan	3,176,240	—	3,176,240
	<hr/>	<hr/>	<hr/>
	40,864,092	—	40,864,092
LIABILITI SEMASA			
Pembiutang	10,518,243	—	10,518,243
Penerimaan terdahulu	25,207,660	—	25,207,660

WARTA KERAJAAN NEGERI MELAKA

474

[25hb Mac 2021]

	PERS (beraudit 2015)	Kesan MPERS	MPERS
	RM	RM	RM
Pendahuluan diterima	6,526,289	—	6,526,289
Pajakan Tertunda	620,953	(620,953)	—
Tabung Ex-Gratia	1,523	—	1,523
Pemuitang Sewa Beli Kenderaan	95,544	—	95,544
	42,970,212	(620,953)	349,259
(LIABILITI)/ASET SEMASA BERSIH	(2,106,120)	620,953	(1,485,167)
	32,376,422	620,953	32,997,375
DIBIAYAI OLEH MODAL			
Kumpulan wang Majlis	22,633,169	—	22,633,169
Tabung pinjaman MPJ	198,375	—	198,375
Rezab penilaian semula harta	2,180,996	—	2,180,996
Geran tertunda	7,295,576	(7,295,576)	—
	32,308,116	(7,295,576)	25,012,540
LIABILITI BUKAN SEMASA			
Pajakan tertunda	—	620,953	620,953
Geran tertunda	—	7,295,576	7,295,576
Pemuitang sewa beli kenderaan	68,306	—	68,306
	68,306	7,916,529	7,984,835
	32,376,422	620,953	32,997,375

Kesan ke atas penyata kedudukan kewangan pada 31 Disember 2015

	PERS (beraudit 2015)	Kesan MPERS	MPERS
	RM	RM	RM
ASET BUKAN SEMASA			
Hartanah, Loji dan peralatan	33,561,615	(25,504,346)	8,057,269
Hartanah pelaburan	—	25,504,346	25,504,346
	33,561,615	—	33,561,615
ASET SEMASA			
Simpanan Tetap	7,546,854	—	7,546,854
Penghutang	6,744,925	—	6,744,925
Pelbagai penghutang, deposit dan prabayar	1,083,870	—	1,083,870
Wang di bank dan wang di tangan	3,614,429	—	3,614,429
	18,990,078	—	18,990,078

WARTA KERAJAAN NEGERI MELAKA

25hb Mac 2021]

475

Kesan ke atas penyata kedudukan kewangan pada 31 Disember 2015

	PERS (beraudit 2015)	Kesan MPERS	MPERS
	RM	RM	RM
LIABILITI SEMASA			
Pemutang	9,735,823	—	9,735,823
Penerimaan terdahulu	2,152,317	—	2,152,317
Pendahuluan diterima	6,320,174	—	6,320,174
Pajakan tertunda	583,287	(583,287)	—
Tabung Ex- Gratia	66	—	66
Pinjaman Kerajaan Negeri Melaka	93,723	—	93,723
Pemutang sewa beli kenderaan	96,240	—	96,240
	<u>18,981,630</u>	<u>(583,287)</u>	<u>18,398,343</u>
(LIABILITI)/ASET SEMASA BERSIH	<u>8,448</u>	<u>583,287</u>	<u>591,735</u>
	<u>33,570,063</u>	<u>583,287</u>	<u>34,153,350</u>
DIBIAYAI OLEH MODAL			
Kumpulan wang Majlis	22,621,975	—	22,621,975
Tabung pinjaman MPJ	198,375	—	198,375
Rezab penilaian semula harta	2,180,996	—	2,180,996
Geran tertunda	7,822,421	(7,822,421)	—
	<u>32,823,767</u>	<u>(7,822,421)</u>	<u>25,001,346</u>
LIABILITI BUKAN SEMASA			
Pajakan tertunda	—	583,287	583,287
Geran tertunda	—	7,822,421	7,822,421
Pinjaman Kerajaan Negeri Melaka	379,166	—	379,166
Pemutang sewa beli kenderaan	367,130	—	367,130
	<u>746,296</u>	<u>8,405,708</u>	<u>9,152,004</u>
	<u>33,570,063</u>	<u>583,287</u>	<u>34,153,350</u>
PENDAPATAN			
Hasil cukai	6,416,773	—	6,416,773
Lesen dan permit	1,337,541	—	1,337,541
Perkhidmatan	1,168,147	—	1,168,147
Sewaan	1,395,046	—	1,395,046
Denda dan hukuman	612,753	—	612,753
	<u>10,930,260</u>	<u>—</u>	<u>10,930,260</u>
LAIN-LAIN PENDAPATAN			
Perolehan daripada jualan	97,053	—	97,053
Faedah	328,789	—	328,789
Lain-lain pendapatan	13,385,286	—	13,385,286
	<u>13,811,128</u>	<u>—</u>	<u>13,811,128</u>

WARTA KERAJAAN NEGERI MELAKA

476

[25hb Mac 2021]

	PERS (beraudit 2015)	Kesan MPERS	MPERS
	RM	RM	RM
TOLAK : BELANJA PENTADBIRAN			
Emolumen	7,881,591	—	78,891,591
Bekalan dan perkhidmatan	15,033,023	—	15,033,023
Perbelanjaan lain	1,829,079	—	1,829,079
	<hr/>	<hr/>	<hr/>
	24,743,693	—	24,743,693
KURANGAN PENDAPATAN			
	<hr/>	<hr/>	<hr/>
	(2,305)	—	(2,305)
	<hr/>	<hr/>	<hr/>

6. (a) HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN

	Pada 1-1-2016	Tambahan	Hapuskira	Pelarasan	Pada 31-12-2016
Dinyatakan semula (RM)	(RM)	(RM)	(RM)	(RM)	(RM)
KOS					
Tanah Milik Kekal	30,000.00	—	—	9,000	39,000
Tanah Pajakan	4,665,195	—	—	1,658,653	6,323,848
Bangunan separuh kekal	4,368,862	—	—	—	4,368,862
Kenderaan & jentera	3,707,646	680,741	(358,131)	—	4,030,256
Mesin pejabat	107,510	6,300	—	—	113,810
Perabot pejabat	446,623	42,170	—	—	488,793
Alat kelengkapan pejabat	844,089	34,405	—	—	878,494
Komputer	1,441,696	9,360	—	—	1,451,056
Ubahsuai	—	128,100	—	—	128,100
Lain-lain aset	350,254	10,411	—	—	360,665
	<hr/>	<hr/>	<hr/>	<hr/>	<hr/>
	15,961,875	911,487	(358,131)	1,667,653	18,182,884
	<hr/>	<hr/>	<hr/>	<hr/>	<hr/>

	Pada 31-12-2015	Pada 31-12-2016
Dinyatakan semula (RM)	(RM)	(RM)
SUSUTNILAI TERKUMPUL		
Tanah Milik Kekal	—	—
Tanah Pajakan	574,449	69,064
Bangunan separuh kekal	1,510,008	114,460
Kenderaan & jentera	3,094,194	199,234
Mesin pejabat	99,994	1,653
Perabot pejabat	360,719	18,609
Alat kelengkapan pejabat	622,957	48,532
Komputer	1,312,881	31,023
Ubahsuai	—	1,067
Lain-lain aset	329,404	8,063
	<hr/>	<hr/>
	7,904,606	491,705
	<hr/>	<hr/>
	(358,128)	—
	<hr/>	<hr/>
	—	8,038,183
	<hr/>	<hr/>

	Pada 31-12-2015	Pada 31-12-2016
Dinyatakan semula (RM)	(RM)	(RM)
NILAI BUKU BERSIH		
Tanah Milik Kekal	30,000	39,000
Tanah Pajakan	4,090,746	5,680,335
Bangunan separuh kekal	2,858,854	2,744,394
Kenderaan & jentera	613,452	1,094,956
Mesin pejabat	7,516	12,163
Perabot pejabat	85,904	109,465

WARTA KERAJAAN NEGERI MELAKA

25hb Mac 2021]

477

	Pada 31-12-2015	Pada 31-12-2016
Dinyatakan semula	(RM)	(RM)
Alat kelengkapan pejabat	221,132	207,005
Komputer	128,815	107,152
Ubahsuai	—	127,033
Lain-lain aset	20,850	23,198
	<u>8,057,269</u>	<u>10,144,701</u>

(b) KENDERAAN SEWA BELI

	2016 (RM)	2015 (RM)
Aset diperolehi di bawah perjanjian sewa beli:		
Kenderaan dan jentera		
Nilai Buku Bersih	363,615	405,370

(c) HAKMILIK TANAH

Pengambilan balik tanah daripada Kerajaan Negeri dibuat berdasarkan perancangan pembangunan kemudahan dan infrastruktur. Permohonan hakmilik atau status rezab dibuat mengikut kesesuaian pembangunan atas tanah tersebut.

(d) HAKMILIK TANAH TAPAK BANGUNAN SEWAAN

Bangunan sewaan seperti gerai/medan selera yang dibina atas tanah kerajaan, rezab jabatan seperti Jabatan Kerja Raya (JKR), Jabatan Pengaliran dan Saliran (JPS) dan lain-lain tidak memohon hakmilik. Sebab utama kerana pembinaan berbentuk sementara dan akan dirobohkan apabila ada kepentingan lain. Selain itu kos pengambilan dan premium yang tinggi berbanding dengan pulangan yang amat minimum menjadi punca hakmilik tidak dipohon.

(e) HAKMILIK TANAH PEGANGAN PAJAK

Tanah Pegangan Pajak diiktiraf sebagai harta majlis sebaik sahaja permohonan diluluskan oleh Pej. Daerah dan Tanah dengan mengambil kira kos bayaran premium. Walau bagaimanapun susut nilai bagi tanah pegangan pajak hanya diiktiraf apabila sijil hakmilik dan tempoh pajakan diperolehi dari Pejabat Daerah dan Tanah.

7. HARTANAH PELABURAN

	Pada 1-1-2016	Tambahkan (RM)	Hapuskira (RM)	Pelarasan (ARR)	Pada 31-12-2016 (RM)
Dinyatakan semula					
KOS	(RM)	(RM)	(RM)	(RM)	(RM)
Tanah Pajakan	3,240,113	—	—	6,590,887	9,831,000
Bangunan Kekal	8,079,820	—	—	—	8,079,820
Bangunan Separuh Kekal	24,786,186	—	—	—	24,786,186
	<u>36,106,119</u>	<u>—</u>	<u>—</u>	<u>6,590,887</u>	<u>42,697,006</u>

WARTA KERAJAAN NEGERI MELAKA

478

[25hb Mac 2021]

	Pada 1-1-2016 (RM)	Tambahan (RM)	Hapuskira (RM)	Pelarasan (RM)	Pada 31-12-2016 (RM)
SUSUT NILAI TERKUMPUL					
Tanah Pajakan	459,590	33,065	—	—	492,655
Bangunan Kekal	1,954,017	161,597	—	—	2,115,614
Bangunan Separuh Kekal	8,188,166	873,728	—	—	9,061,894
	<hr/>	<hr/>	<hr/>	<hr/>	<hr/>
	10,601,773	1,068,390	—	—	11,670,163

	Pada 31-12-2015 Dinyatakan semula (RM)	Pada 31-12-2016 (RM)
--	--	----------------------------

NILAI BUKU BERSIH

Tanah Pajakan	2,780,523	9,338,345
Bangunan Kekal	6,125,803	5,964,206
Bangunan Separuh Kekal	16,598,020	15,724,292
<hr/>		
	25,504,346	31,026,843

8. PENGHUTANG

	2016 (RM)	2015 (RM)
Tunggakan cukai taksiran	4,062,068	3,734,389
Tunggakan caruman bantu kadar	217,854	219,129
Tunggakan sewa gerai	502,439	489,019
Tunggakan sewa pasar	84,427	85,252
Tunggakan sewa rumah rehat Jasin	114,688	114,688
Tunggakan sewa rumah rehat Merlimau	—	4,240
Tunggakan sewa bangunan perniagaan	232,068	192,283
Tunggakan sewa bangunan pejabat	14,182	14,146
Tunggakan sewa perhentian bas/teksi	4,027	4,027
Tunggakan sewa tandas awam	66	66
Tunggakan sewa petak kenderaan berat	125,875	130,875
Tunggakan sewa tanah MPJ	53,470	33,470
Penghutang – Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara (KPKT)	4,988,104	2,392,004
Penghutang-SWM	842,074	842,074
Penghutang-Kerajaan Negeri	—	—
Penghutang-SWME (Harga ambil alih aset alih)	—	—
	<hr/>	<hr/>
	11,241,342	8,255,662
Tolak: Peruntukan hutang ragu	(1,510,737)	(1,510,737)
	<hr/>	<hr/>
	9,730,605	6,744,925

9. PELBAGAI HUTANG, DEPOSIT DAN PRABAYAR

Deposit Pelupusan Kenderaan	4,744	—
Faedah terakru simpanan tetap	42,179	51,519
Pejabat Daerah & Tanah Jasin-Bayaran terdahulu tanah	948,920	948,920
Pendahuluan pinjaman	31,203	37,178
Pelbagai penghutang	215,713	46,253
	<hr/>	<hr/>
	1,242,759	1,083,870

WARTA KERAJAAN NEGERI MELAKA

25hb Mac 2021]

479

Pendahuluan pinjaman merupakan pinjaman yang diberikan kepada kakitangan Majlis yang layak bagi tujuan pembelian kereta, motosikal, komputer. Pinjaman ini dikenakan faedah pada kadar 4% setahun pada baki berkurangan dan bayaran balik dibuat melalui potongan gaji. Kereta atau motosikal yang dibeli melalui pembiayaan ini akan dicagarkan terhadap pinjaman yang diperoleh.

10. TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI

	2016 (RM)	2015 (RM)
Wang di bank:		
Akaun pengurusan	79,024	206,098
Akaun kutipan Maybank Merlimau	12,017	46,529
Akaun kutipan BSN	2,898	3,945
Akaun kutipan BIMB	5,933	9,838
Akauan kutipan CIMB	29,023	5,881
Akauan kutipan wang amanah disatukan	1,181,199	933,130
Akaun tabung pembangunan	3,476,563	2,347,087
Akaun tabung pinjaman MPJ	67,172	61,197
Akaun tabung Ex-Gratia	90	66
	<hr/> 4,853,919	<hr/> 3,613,771

Wang di tangan:

Panjar wang runcit	2,000	658
Simpanan tetap:		
Institusi Kewangan dan bank berlesen	6,572,351	7,546,854
TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI	<hr/> 11,428,270	<hr/> 11,161,283

Purata tempoh kematangan simpanan tetap (hari):

7 bulan

Kadar faedah purata simpanan tetap (%)

3.54%

3.44%

11. PEMIUTANG

	2016 (RM)	2015 (RM)
Perbelanjaan terakru	3,420,624	2,455,798
Pemiutang-Perkhidmatan SWM	1,600,000	1,668,229
Pemiutang-Sumbangan PPSPPA	8,630,304	5,457,293
Pemiutang pelbagai	161,991	154,503
	<hr/> 13,812,919	<hr/> 9,735,823

12. PENERIMAAN TERDAHULU

Cukai taksiran	475,590	312,078
Sewa gerai	44,477	39,534
Sewa pasar	18,698	16,958
Bangunan perniagaan	25,399	20,678
Bangunan pejabat	525	665
Perhentian bas/teksi	400	200
Terimaan Terdahulu-Projek Tasik Chinchin	1,761,994	1,761,994
	<hr/> 2,327,463	<hr/> 2,152,317

WARTA KERAJAAN NEGERI MELAKA

480

[25hb Mac 2021]

13. PENDAHULUAN DITERIMA

	2016 (RM)	2015 (RM)
Wang Amanah Cagaran	639,951 5,887,322	121,890 6,198,284
	<u>6,527,273</u>	<u>6,320,174</u>

14. TABUNG EX-GRATIA

Baki pada 1 Januari	66	1,523
Tambah pelarasan tahunan	1,500	—
Perbelanjaan semasa	(1,476)	(1,457)
Baki pada 31 Disember	<u>90</u>	<u>66</u>

Tabung Ex-Gratia telah ditubuhkan pada tahun 1997. Tabung ini telah mendapat peruntukan sebanyak RM50,000 daripada MPJ. Tujuan penubuhan tabung ini adalah untuk menjaga kebajikan ahli keluarga pekerja-pekerja MPJ yang telah meninggal dunia ataupun ditimpa malapetaka. Kebajikan ini termasuk bantuan persekolahan kepada anak-anak pekerja MPJ dan juga bantuan kewangan kepada ibu tunggal.

15. PINJAMAN KERAJAAN NEGERI MELAKA

	2016 (RM)	2015 (RM)
Kos pinjaman tolak: bayaran semasa	515,663 (128,916)	552,496 (36,834)
tolak : caj kewangan yang akan dikenakan	386,747 (26,411)	515,662 (42,773)
Nilai semasa pinjaman	<u>360,336</u>	<u>472,889</u>

Nilai semasa pinjaman:

Amaun patut bayar dalam tempoh 12 bulan	97,542	93,723
Amaun patut bayar dalam tempoh 1 hingga 5 tahun	262,794	379,166
	<u>360,336</u>	<u>472,889</u>

Pinjaman daripada Kerajaan Negeri Melaka dikenakan faedah pada kadar 4% setahun pada kaedah garis lurus.

16. PEMIUTANG SEWA BELI KENDERaan

	2016 (RM)	2015 (RM)
Kos sewabeli tolak: bayaran semasa	1,253,166 (149,566)	635,382 (116,451)
tolak: caj kewangan yang dikenakan	1,103,600 (138,355)	518,931 (55,561)
Nilai semasa hutang sewa beli	<u>965,245</u>	<u>463,370</u>

WARTA KERAJAAN NEGERI MELAKA

25hb Mac 2021]

481

	2016 (RM)	2015 (RM)
Nilai semasa hutang sewa beli:		
tidak melebihi dari 12 bulan	202,492	96,240
melebihi 1 tahun tetapi tidak melebihi 5 tahun	762,753	367,130
	<hr/>	<hr/>
	965,245	463,370
	<hr/>	<hr/>

17. KUMPULAN WANG MAJLIS

Baki pada 1 Januari	22,621,975	22,633,168
Kurangan pendapatan	(1,659,128)	(2,305)
Pelarasaran	977	(8,888)
	<hr/>	<hr/>
Baki Pada 31 Disember	20,963,824	22,621,975
	<hr/>	<hr/>

18. TABUNG PINJAMAN MPJ

Baki penghutang pinjaman	31,203	37,178
Simpanan tetap	100,000	100,000
Baki buku tunai	67,172	61,197
	<hr/>	<hr/>
	198,375	198,375
	<hr/>	<hr/>

19. PAJAKAN TERTUNDA

Baki Pada 1 Januari	583,287	620,953
Diiktiraf sebagai pendapatan	(37,666)	(37,666)
	<hr/>	<hr/>
Pada 31 Disember	545,621	583,287
	<hr/>	<hr/>

Pajakan tertunda merupakan hasil daripada pajakan tanah Majlis kepada pihak luar untuk tempoh selama 30 tahun bermula dari tahun 1999. Hasil pajakan akan diiktirafkan sebagai hasil sepanjang tempoh pajakan.

20. GERAN TERTUNDA

	2016 (RM)	2015 (RM)
Baki pada 1 Januari	7,822,421	7,295,576
Geran Tertunda bagi tahun semasa	—	886,155
Tolak: Pelunasan geran tertunda	(389,925)	(359,310)
	<hr/>	<hr/>
Baki Pada 31 Disember	7,432,496	7,822,421
	<hr/>	<hr/>

21. NOTA INSTRUMEN KEWANGAN

Aset kewangan bagi Majlis pada 31 Disember dikategorikan sebagaimana kelas-kelas berikut:

	2016 (RM)	2015 (RM)
Aset kewangan dibawa pada kos selepas pelunasan:		
Penghutang perdaganangan dan lain-lain	10,973,364	7,828,795
Tunai dan kesetaraan tunai	11,428,270	11,161,283
	<hr/>	<hr/>
	22,401,634	18,990,078
	<hr/>	<hr/>

WARTA KERAJAAN NEGERI MELAKA

482

[25hb Mac 2021]

Liabiliti kewangan bagi Perbadanan pada 31 Disember dikategorikan sebagaimana kelas-kelas berikut:

Liabiliti kewangan dibawa pada kos selepas pelunasan:

	2016 (RM)	2015 (RM)
Pembiutang pedagangan dan lain-lain	22,667,745	18,208,380
Pinjaman Kerajaan Negeri	360,336	472,889
Pembiutangsewa beli kenderaan	965,245	463,370
	<hr/>	<hr/>
	23,993,326	19,144,639
	<hr/>	<hr/>

22. HASIL CUKAI

Cukai taksiran	5,812,578	5,655,851
Caruman bantu kadar	763,954	760,922
	<hr/>	<hr/>
	6,576,532	6,416,773
	<hr/>	<hr/>

23. LESEN DAN PERMIT

Lain-lain lesen	350,922	323,515
Lesen gunting rambut	1,825	2,325
Lesen iklan	238,748	21,650
Lesen kilang	209,714	130,617
Lesen minyak/benzin	5,319	6,324
Lesen pasar	74,409	67,446
Lesen pasar malam	7,743	9,137
Lesen pendaftaran anjing	9,889	15,000
Lesen penjaja	44,417	41,620
Lesen sementara	170,323	171,778
Lesen tempat makan	27,152	34,030
Permit	394,403	334,099
	<hr/>	<hr/>
	1,534,864	1,337,541
	<hr/>	<hr/>

24. PERKHIDMATAN

Caj perkhidmatan warisan	3,266	3,461
Carian Rasmi	1,460	796
Fee binaan bangunan	19,108	65,842
Fee kerja tanah	22,016	34,323
Pembaharuan lesen	18,949	12,550
Pendaftaran kontraktor	7,980	9,983
Perkhidmatan lain	26,590	102,138
Perkhidmatan letak kereta	286,029	270,212
Proses gerai	2,260	1,173
Proses lesen	20,140	20,999
Proses pelan	263,542	374,855
Proses pelan tatatur	120,070	265,113
Proses pindahmilik	5,120	19,754
Tandas awam	23,119	20,555
Tolak: Cukai barang dan perkhidmatan	(31,523)	(33,607)
	<hr/>	<hr/>
	788,126	1,168,147
	<hr/>	<hr/>

WARTA KERAJAAN NEGERI MELAKA

25hb Mac 2021]

483

25. SEWAAN

	2016 (RM)	2015 (RM)
Tanah	20,000	45,000
Bangunan	1,186,370	1,095,536
Pelbagai sewaan	450,095	295,010
Tolak: Cukai barang dan perkhidmatan	-846,22	—
	<hr/>	<hr/>
	1,571,843	1,395,046
	<hr/>	<hr/>

26. DENDA DAN HUKUMAN

Denda pembinaan	47,700	84,282
Denda letak kereta	228,095	179,822
Denda lewat lesen	22,906	14,200
Denda perlesenan	—	851
Kompaun	146,445	142,360
Denda lewat sewa	37,183	28,940
Notis E	112,791	94,237
Waran F	9,826	14,666
Lain-lain denda	82,850	53,395
	<hr/>	<hr/>
	687,796	612,753
	<hr/>	<hr/>

27. PEROLEHAN DARIPADA JUALAN

Dokumen tender/sebutharga	26,183	34,448
Sijil kelayakan menduduki	250	800
Salinan dokumen	430	770
Buku struktur	—	40
Patil bangunan/rumah	24,280	8,760
Patil lesen	37,460	27,561
Kad Imunisasi	5,620	4,209
Pelan GIS	360	130
Bena pembinaan bangunan	21,082	17,317
Patil permit bangunan sementara	3,870	2,225
Stiker permit bangunan sementara	1,680	1,575
Lain-lain barang	3,459	58
Tolak : Cukai barang dan perkhidmatan	(1,729)	840
	<hr/>	<hr/>
	122,945	97,053
	<hr/>	<hr/>

28. FAEDAH

Simpanan tetap dan takaful	297,182	276,059
Simpanan semasa		
- Pengurusan	8,665	10,486
- Amanah	8,390	8,377
- Pembangunan	13,122	11,272
- Kutipan	478	305
- Tabung Pinjaman	—	1,887
Lain-lain faedah	7,628	15,930
Keuntungan Insuran	8,318	4,473
	<hr/>	<hr/>
	343,783	328,789
	<hr/>	<hr/>

WARTA KERAJAAN NEGERI MELAKA

484

[25hb Mac 2021]

29. LAIN-LAIN PENDAPATAN

	2016 (RM)	2015 (RM)
Sumbangan Kerajaan Negeri	7,724,957	8,021,603
Sumbangan Kerajaan Persekutuan	5,869,922	3,773,660
Sumbangan insfrastruktur dan lain-lain	1,126,320	848,843
Pulangbalik perbelanjaan	203,479	178,130
Lain-lain pendapatan	966,252	563,050
	<hr/>	<hr/>
	15,890,930	13,385,286
	<hr/>	<hr/>

30. EMOLUMEN

Gaji kakitangan awam	5,482,496	4,906,304
Elaun tetap kakitangan	2,118,200	1,755,388
Sumbangan berkanun untuk kakitangan	955,065	851,383
Bayaran lebih masa	186,615	122,250
Faedah kewangan kakitangan	261,163	246,266
	<hr/>	<hr/>
	9,003,539	7,881,591
	<hr/>	<hr/>

31. BEKALAN DAN PERKHIDMATAN

Perjalanan kakitangan	173,848	233,538
Perhubungan dan utiliti	3,052,418	2,822,954
Sewaan	160,162	133,488
Bahan makanan dan minuman	21,388	32,306
Bekalan bahan mentah & bahan untuk penyelenggaraan	240,173	261,984
Bekalan pejabat	357,129	330,253
Penyelenggaraan dan pembaikan	7,681,185	3,619,808
Perkhidmatan yang dibeli	6,464,967	7,339,677
Pembinaan bangunan	—	1,600
Binatang, pokok dan benih	65,248	58,866
Pemberian dalam negeri	69,100	80,357
Tuntutan insuran dan pampasan	1,500	—
Faedah atas wang pinjaman	16,362	9,723
Faedah sewaan beli	29,742	9,083
Ganjaran	24,778	56,408
Ganjaran cuti rehat	45,695	35,259
Pulang balik hasil dan hapuskira	46,160	7,719
	<hr/>	<hr/>
	18,449,855	15,033,023
	<hr/>	<hr/>

32. PERBELANJAAN LAIN

Perbelanjaan hutang rugu	—	198,545
Perbelanjaan Lain	162,458	141,985
Susut nilai	1,560,095	1,474,017
Rugi atas pelupusan aset	—	14,532
	<hr/>	<hr/>
	1,722,553	1,829,079
	<hr/>	<hr/>

33. PELARASAN TAHUN LEPAS – ASET BUKAN SEMASA

	Seperti dilaporkan sebelum ini 2015 (RM)	Kesan Pelarasan (RM)	Seperti dinyatakan semula 2015 (RM)
Hartanah, loji dan peralatan Harta pelaburan	33,561,615 —	(25,504,346) 25,504,346	8,057,269 25,504,346
	2015 (RM)	2015 (RM)	
Hartanah, loji dan peralatan Hartanah pelaburan	41,171,544 —	(31,026,843) 31,026,843	10,144,701 31,026,843

34. CUKAI

Majlis Perbandaran Jasin adalah dikecualikan dari membayar Cukai Pendapatan mengikut Jadual Enam Akta Cukai Pendapatan 1967.

35. KEMUDAHAN PERBANKAN OVERDRAF

Majlis Perbandaran Jasin mempunyai kemudahan overdraf daripada Malayan Banking Berhad (Maybank). Nilai kemudahannya adalah sebanyak RM380,000.00 dan cagaran atas kemudahan ini adalah Simpanan Tetap yang bennombor 204030-119353 dengan nilai terkumpul RM433,865.

No. 191.

MAJLIS PERBANDARAN JASIN

JASIN MUNICIPAL COUNCIL

AKAUN BAGI TAHUN KEWANGAN 2017

ACCOUNT FOR THE FINANCIAL YEAR 2017

Akaun yang telah diaudit bagi tahun kewangan 2017, bersama-sama dengan pandangan juruaudit, adalah disiarkan menurut subseksyen 60(4) Akta Kerajaan Tempatan 1976 [Akta 171].

This audited account for the financial year 2017, together with the auditor's observation, is published pursuant to subsection 60(4) of the Local Government Act 1976 [Act 171].

Bertarikh 18 Januari 2021

Dated 18 January 2021

[MPJ/UU/1400-2/1 Jilid 2; PUNM. 700-02/6 Jilid 15]

DATIN SAPIAH BINTI HARON
Yang Dipertua
Majlis Perbandaran Jasin/
President
Jasin Municipal Council

LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI
PENYATA KEWANGAN

MAJLIS PERBANDARAN JASIN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2017

Laporan Mengenai Penyata Kewangan

Pendapat

Penyata Kewangan Majlis Perbandaran Jasin telah diaudit oleh wakil saya yang merangkumi Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2017 dan Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan Aset Bersih serta Penyata Aliran Tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut, ringkasan polisi perakaunan yang signifikan dan nota kepada penyata kewangan.

Pada pendapat saya, penyata kewangan ini memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan pada 31 Disember 2017 dan prestasi kewangan aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) dan Akta Kerajaan Tempatan (Akta 171).

Asas Kepada Pendapat

Saya telah melaksanakan pengauditan berdasarkan Akta Audit 1957 dan *The International Standards of Supreme Audit Institutions*. Tanggungjawab saya dihuraikan selanjutnya di perenggan Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan dalam laporan ini. Saya percaya bahawa bukti audit yang diperoleh adalah mencukupi dan bersesuaian untuk dijadikan asas kepada pendapat saya.

Emphasis of Matter

Tanpa menjelaskan pendapat Audit, saya ingin menarik perhatian terhadap perkara berikut:

- i. Terdapat dua bidang tanah iaitu Lot 768 GRN 22659 (PT5379) Mukim Jasin dan Lot 768 GRN 22659 (PT5656) Mukim Jasin tidak diiktiraf sebagai aset dalam penyata kewangan Majlis menyebabkan Majlis terkurang catat kos aset tanah pada tahun kewangan semasa berjumlah RM1,716,445. Sebahagian kos aset tersebut iaitu kos bayaran premium yang berjumlah RM767,525 tidak direkod oleh Majlis.

Kebebasan dan Tanggungjawab Etika Lain

Saya adalah bebas daripada Majlis Perbandaran Jasin dan telah memenuhi tanggungjawab etika berdasarkan *The International Standards of Supreme Audit Institutions*.

Maklumat Lain Selain Daripada Penyata Kewangan dan Laporan Juruaudit Mengenainya

Ahli Majlis bertanggungjawab terhadap maklumat lain dalam Laporan Tahunan. Pendapat saya terhadap penyata kewangan Majlis tidak meliputi maklumat lain selain daripada Penyata Kewangan dan Laporan Juruaudit mengenainya dan saya tidak menyatakan sebarang bentuk kesimpulan jaminan mengenainya.

Tanggungjawab Ahli Majlis Terhadap Penyata Kewangan

Ahli Majlis bertanggungjawab terhadap penyediaan Penyata Kewangan Majlis Perbandaran Jasin yang memberi gambaran benar dan saksama selaras dengan MPSAS dan Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171). Ahli Majlis juga bertanggungjawab terhadap penetapan kawalan dalaman yang perlu bagi membolehkan penyediaan penyata kewangan Majlis yang bebas daripada salah nyata yang ketara sama ada disebabkan fraud atau kesilapan.

Semasa penyediaan penyata kewangan Majlis, Ahli Majlis bertanggungjawab untuk menilai keupayaan Majlis untuk beroperasi sebagai satu usaha berterusan, mendedahkan jika berkaitan serta menggunakan sebagai asas perakaunan untuk usaha berterusan.

Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan

Objektif saya adalah untuk memperoleh keyakinan yang munasabah sama ada penyata kewangan Majlis secara keseluruhannya adalah bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, dan mengeluarkan Laporan Juruaudit yang merangkumi pendapat saya. Jaminan yang munasabah adalah satu tahap jaminan yang tinggi, tetapi bukan satu jaminan bahawa audit yang dijalankan mengikut *The International Standards of Supreme Audit Institutions* akan sentiasa mengesan salah nyata yang ketara apabila ia wujud. Salah nyata boleh wujud daripada fraud atau kesilapan dan dianggap ketara sama ada secara individu atau agregat sekiranya boleh dijangkakan dengan munasabah untuk mempengaruhi keputusan ekonomi yang dibuat oleh pengguna berdasarkan penyata kewangan ini.

Sebagai sebahagian daripada pengauditan mengikut *The International Standards of Supreme Audit Institutions*, saya menggunakan pertimbangan profesional dan mengekalkan keraguan profesional sepanjang pengauditan. Saya juga:

- a. Mengenal pasti dan menilai risiko salah nyata ketara dalam penyata kewangan Majlis sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, merangka dan melaksanakan prosedur audit yang responsif terhadap risiko berkenaan serta mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian untuk memberikan asas kepada pendapat saya. Risiko untuk tidak mengesan salah nyata ketara akibat daripada fraud adalah lebih tinggi daripada kesilapan kerana fraud mungkin melibatkan pakatan, pemalsuan, ketinggalan yang disengajakan, representasi yang salah, atau mengatas i kawalan dalaman.
- b. Memahami kawalan dalaman yang relevan untuk merangka prosedur audit yang bersesuaian tetapi bukan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman Majlis.

- c. Menilai kesesuaian dasar perakaunan yang diguna pakai dan kemunasabahan anggaran perakaunan dan pendedahan yang berkaitan oleh Ahli Majlis.
- d. Membuat kesimpulan terhadap kesesuaian penggunaan asas perakaunan untuk usaha berterusan oleh Ahli Majlis dan berdasarkan bukti audit yang diperoleh, sama ada wujudnya ketidakpastian ketara yang berkaitan dengan peristiwa atau keadaan yang mungkin menimbulkan keraguan yang signifikan terhadap keupayaan Majlis sebagai satu usaha berterusan. Jika saya membuat kesimpulan bahawa ketidakpastian ketara wujud, saya perlu melaporkan dalam Laporan Juruaudit terhadap pendedahan yang berkaitan dalam penyata kewangan Majlis atau jika pendedahan tersebut tidak mencukupi, pendapat saya akan diubah. Kesimpulan saya dibuat berdasarkan bukti audit yang diperoleh sehingga tarikh Laporan Juruaudit.
- e. Menilai sama ada keseluruhan persembahan termasuk pendedahan penyata kewangan Majlis memberi gambaran yang saksama.

Saya telah berkomunikasi dengan Ahli Majlis antaranya mengenai skop dan tempoh pengauditan yang dirancang serta penemuan audit yang signifikan, termasuk kelemahan kawalan dalaman yang dikenal pasti semasa pengauditan.

Laporan Mengenai Keperluan Perundangan dan Peraturan Lain

Berdasarkan keperluan Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171), saya juga melaporkan bahawa pada pendapat saya, rekod perakaunan dan rekod lain yang dikehendaki Akta untuk disimpan oleh Majlis telah disimpan dengan sempurna kecuali perkara yang dinyatakan di perenggan Asas Kepada Pendapat Berteguran.

Hal-hal Lain

- a. Seperti yang dinyatakan pada Nota 2 kepada penyata kewangan, penyata kewangan ini adalah merupakan penyata kewangan peralihan pertama Majlis yang dibentangkan menggunakan rangka kerja perakaunan MPSAS di mana sebelum ini penyata kewangan Majlis telah disediakan mengikut piawaian perakaunan Standard Pelaporan Entiti Persendirian Malaysia (MPERS) yang telah diluluskan oleh Mesyuarat Penuh Majlis. Saya tidak terikat untuk melaporkan angka perbandingan yang dinyatakan semula dan tidak diaudit. Tanggungjawab saya sebagai sebahagian daripada pengauditan penyata kewangan Majlis bagi tahun berakhir 31 Disember 2017, dalam keadaan ini, termasuk mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian yang baki awal pada 1 Januari 2017 tidak mengandungi salah nyata yang boleh memberi kesan ketara terhadap kedudukan kewangan pada 31 Disember 2017, prestasi kewangan dan aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut.

WARTA KERAJAAN NEGERI MELAKA

25hb Mac 2021]

489

- b. Laporan ini dibuat untuk Ahli Majlis dan bukan untuk tujuan lain.
Saya tidak bertanggungjawab terhadap pihak lain bagi kandungan laporan ini.

MELAKA

Bertarikh 19 Julai 2018

JAAFAR BIN MD. GAUTH

*b.p. Ketua Audit Negara
Malaysia*

PERNYATAAN OLEH AHLI- AHLI MAJLIS MAJLIS PERBANDARAN JASIN, MELAKA

Kami, Jasmi bin Ahmad, (KP. 520822-04-5187) dan Ibrahim bin Rasol, (KP. 570728-04-5063) yang merupakan dua daripada Ahli Majlis, Majlis Perbandaran Jasin dengan ini menyatakan pada pendapat kami, Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Pendapatan Komprehensif, Penyata Perubahan Dalam Ekuiti dan Penyata Aliran Tunai yang berikut ini berserta dengan nota-nota di dalamnya adalah disediakan untuk memberi pandangan yang benar dan saksama berkenaan dengan kedudukan Majlis Perbandaran Jasin pada 31 Disember 2017 dan hasil kendaliannya serta perubahan dalam kewangannya bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut.

Bagi Pihak Lembaga Ahli Majlis Bagi Pihak Lembaga Ahli Majlis

JASMII BIN AHMAD

Ketua Ahli Majlis

Majlis Perbandaran Jasin

IBRAHIM BIN RASOL

Timbalan Ketua Ahli Majlis

Majlis Perbandaran Jasin

PENGAKUAN OLEH PEGAWAI UTAMA YANG BERTANGGUNGJAWAB KE ATAS PENGURUSAN KEWANGAN MAJLIS PERBANDARAN JASIN, MELAKA

Saya, Shadan bin Othman, (KP. 740104-04-5291) dengan sesungguh dan sebenarnya mengakui bahawa saya adalah pegawai utama yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan Majlis Perbandaran Jasin, Melaka dengan ikhlasnya mengakui bahawa Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Pendapatan Komprehensif, Penyata Perubahan Dalam Ekuiti dan Penyata Aliran Tunai yang berikut ini beserta nota-nota di dalamnya, mengikut sebaik-baik pengetahuan dan kepercayaan saya adalah benar dan saya membuat pengakuan ini dengan sebenarnya mempercayai bahawa ianya benar dan menurut kehendak undang-undang Akta Akuan Berkanun, 1960 dan Akta Kerajaan Tempatan 1976.

Ditandatangani dan diakui
Oleh penama yang tersebut
di atas di Jasin, Melaka
Pada 30 April 2018

SHADAN BIN OTHMAN
(KP. 740104-04-5291)

Di hadapan saya:

ZAITON BINTI ADOM
No. M 066
Pesuruhjaya Sumpah Malaysia

SENARAI AHLI MAJLIS – AHLI MAJLIS TAHUN 2017

1. SHADAN BIN OTHMAN
2. ZAMRUD BIN YAHYA (bermula 1-6-2017)
3. DSP. ARSHAD BIN ABU
4. DR. JASMI BIN AHMAD
5. IR. ZULKHAIRO BIN HAJI ABDUL AZIZ (bermula 1-7-2017)
6. HAJI MOHAMMAD BIN WAHAB
7. ABD. RAHMAN BIN HJ. ALI
8. MOHD SHARIF BIN ABD. MAJID
9. MOHAMAD ZAIDI BIN MOHAMAD HASHIM
10. HAJAH KHATIJAH BINTI BAHARI
11. IBRAHIM BIN RASOL
12. ABU SHAH BIN MAMAT
13. DAUD BIN MEKESAT
14. RAZANI BIN SEMAN
15. RABEAH ADAWIYAH BINTI MOHD ALI
16. ABDULLAH HASSAN BIN KASSIM
17. HASSIM BIN MOHD SOOD
18. NORDIN BIN IBRAHIM
19. TEE TUCK HING
20. EE CHIOW PENG
21. TAN KIAN GUAN
22. GAN BOON CHUAN
23. THAMILYANAN A/L M. MUTHIAH
24. TANG KE GEK
25. JASMI NIN MD TEGOL
26. MURTHI A/L VEERAYAH
27. KHAIRUL AZMEER BIN MOHD SOPERY (sehingga 2-5-2017)
28. DSP SAKRI BIN YUSOFF @ ZAHARI (sehingga 29-5-2017)

WARTA KERAJAAN NEGERI MELAKA

25hb Mac 2021]

491

PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN PADA 31 DISEMBER 2017

	2017 RM	2016 RM Seperti yang dinyatakan semula	1-1-2016 RM seperti yang dinyatakan semula
ASET SEMASA			
Urus niaga bukan pertukaran belum terima (Nota 3)	4,257,631	2,876,543	2,550,139
Urus niaga pertukaran belum terima (Nota 4)	6,971,179	6,854,062	4,194,786
Pelbagai akaun belum terima, deposit dan pendahuluan (Nota 5)	1,277,108	1,242,759	1,083,870
Simpanan tetap (Nota 6)	7,098,182	6,572,351	7,546,854
Tunai dan baki bank (Nota 7)	4,195,649	4,855,919	3,614,429
	<u>23,799,749</u>	<u>22,401,634</u>	<u>18,990,078</u>
ASET BUKAN SEMASA			
Hartanah, Loji dan peralatan (Nota 8)	14,848,418	10,067,819	7,958,989
Hartanah pelaburan (Nota 9)	30,693,858	31,026,843	25,504,346
Aset tidak ketara (Nota 10)	56,563	76,882	98,280
	<u>45,598,839</u>	<u>41,171,544</u>	<u>33,561,615</u>
JUMLAH ASET	<u>69,398,588</u>	<u>63,573,178</u>	<u>52,551,693</u>
LIABILITI SEMASA			
Pelbagai akaun belum bayar dan perbelanjaan terakru (Nota 11)	30,099,728	22,667,655	18,208,314
Tabung Ex-Gratia (Nota 12)	90	90	66
Pinjaman kerajaan negeri (Nota 13)	101,516	97,542	93,723
Pinjaman sewa beli (Nota 14)	236,971	202,492	96,240
	<u>30,438,305</u>	<u>22,967,779</u>	<u>18,398,343</u>
LIABILITI BUKAN SEMASA			
Pajakan tertunda (Nota 15)	507,955	545,621	583,287
Pinjaman Kerajaan Negeri (Nota 13)	169,259	262,794	379,166
Pinjaman sewa beli kenderaan (Nota 14)	619,359	762,753	367,130
	<u>1,296,573</u>	<u>1,571,168</u>	<u>1,329,583</u>
JUMLAH LIABILITI	<u>31,734,878</u>	<u>24,538,947</u>	<u>19,727,926</u>
ASET BERSIH	<u>37,663,710</u>	<u>39,034,231</u>	<u>32,823,767</u>
ASET BERSIH/EKUITI			
Kumpulan Wang Majlis (Nota 16)	28,950,136	28,396,320	30,444,396
Tabung Pinjaman (Nota 17)	198,375	198,375	198,375
Rezab penilaian semula harta	8,515,199	10,439,536	2,180,996
	<u>37,663,710</u>	<u>39,034,231</u>	<u>32,823,767</u>

WARTA KERAJAAN NEGERI MELAKA

492

[25hb Mac 2021]

PENYATA PRESTASI KEWANGAN BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2017

	2017	2016
	RM	RM
	Seperti yang dinyatakan semula	
HASIL		
Urus niaga bukan pertukaran (Nota 18)	27,254,405	24,654,209
Urus niaga pertukaran (Nota 19)	3,636,660	2,862,610
JUMLAH HASIL	<hr/> <hr/> 30,891,065	<hr/> <hr/> 27,516,819
PERBELANJAAN		
Emolumen (Nota 20)	9,685,177	9,003,539
Perkhidmatan dan Bekalan (Nota 21)	12,899,163	11,183,586
Pemilikan Harta Modal (Nota 22)	5,576,904	7,032,932
Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap (Nota 23)	290,100	187,177
Perbelanjaan-Perbelanjaan Lain (Nota 24)	1,885,905	1,768,713
JUMLAH PERBELANJAAN	<hr/> <hr/> 30,337,249	<hr/> <hr/> 29,175,947
LEBIHAN/(KURANGAN) BAGI TAHUN	<hr/> <hr/> 553,816	<hr/> <hr/> (1,659,128)

Sila rujuk nota-nota kepada penyata kewangan

PENYATA PERUBAHAN ASET BERSIH BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2017

	Kumpulan Wang Majlis	Kumpulan Wang Pinjaman	Jumlah Aset Bersih
	RM	RM	RM
Baki pada 1 Januari 2016	22,621,975	198,375	22,820,350
-Seperti yang dinyatakan terdahulu			
Kesan pemakaian MPSAS (Nota 2.20)	7,822,421	—	7,822,421
Baki pada 1 Januari 2016	<hr/>	<hr/>	<hr/>
30,444,396	198,375	30,642,771	
-Seperti yang dinyatakan semula			
Pelarasan tahun lalu (Nota 25)	(388,948)	—	(388,948)
Lebihan bersih bagi tahun	(1,659,128)	—	(1,659,128)
Baki pada 31 Disember 2016	<hr/>	<hr/>	<hr/>
28,396,320	—	28,594,695	
Lebihan bersih bagi tahun	553,816	—	553,816
Baki pada 31 Disember 2017	<hr/>	<hr/>	<hr/>
28,950,136	—	29,148,511	

Sila rujuk nota-nota kepada penyata kewangan

WARTA KERAJAAN NEGERI MELAKA

25hb Mac 2021]

493

PENYATA ALIRAN TUNAI BAGI TAHUN BERAKHIR PADA 31 DISEMBER 2017

	2017 (RM)	2016 (RM)
ALIRAN TUNAI DARI AKTIVITI OPERASI		
Lebihan/(kurangan) atas pendapatan	553,816	(1,659,128)
Pelarasan bagi:		
Susutnilai hartaanah, loji dan kelengkapan	1,521,137	1,560,095
Untung atas hapuskira hartaanah, loji dan kelengkapan	—	(35,913)
Peruntukan hutang rugu	—	(6,590,887)
Pelunasan geran bagi pembelian aset-aset Majlis	(37,666)	(37,666)
Faedah sewa beli dibayar	95,799	138,355
Faedah pinjaman dibayar	14,682	26,411
Pendapatan faedah	(306,948)	(343,783)
	<hr/>	<hr/>
	1,840,820	(6,942,516)
Perubahan dalam modal kerja:		
Tambahan dalam aset semasa:		
Penghutang	(1,498,205)	(2,985,680)
Pelbagai Penghutang, Deposit dan Prabayar	(34,350)	(158,889)
Tambahan dalam liabiliti semasa:		
Wang Amanah	—	24
Pelbagai Pembiutang	7,432,074	4,459,341
Tunai dihasilkan daripada/(digunakan untuk) aktiviti operasi	7,740,339	(5,627,720)
	<hr/>	<hr/>
ALIRAN TUNAI DARI AKTIVITI PELABURAN		
Pendapatan faedah diterima	306,948	343,783
Belanja faedah dibayar	(110,481)	(164,766)
Pembelian hartaanah, loji dan kelengkapan	(5,596,416)	(1,957,440)
Pembelian hartaanah pelaburan	(2,276,353)	—
Penerimaan atas jualan hartaanah, loji dan kelengkapan	—	35,916
Rizab penilaian semula harta	—	7,869,592
Tunai (digunakan dalam)/dihasilkan daripada aktiviti pelaburan	(7,676,302)	6,127,085
	<hr/>	<hr/>
ALIRAN TUNAI DARI AKTIVITI KEWANGAN		
Bayaran balik pinjaman Kerajaan Negeri	(89,561)	(112,553)
Bayaran balik pembiutang sewa beli	(108,915)	(119,825)
Tunai digunakan dalam aktiviti kewangan	(198,476)	(232,378)
	<hr/>	<hr/>
PERTAMBAHAN TUNAI BERSIH DAN PERSAMAAN TUNAI	(134,439)	266,987
TUNAI DAN PERSAMAAN TUNAI PADA AWAL TAHUN	11,428,270	11,161,283
Tunai dan persamaan tunai pada akhir tahun	11,293,831	11,428,270
	<hr/>	<hr/>
TUNAI DAN PERSAMAAN TUNAI		
Simpanan tetap	7,098,182	6,572,351
Tunai dan baki bank	4,195,649	4,855,919
	<hr/>	<hr/>
	11,293,831	11,428,270

WARTA KERAJAAN NEGERI MELAKA

494

[25hb Mac 2021]

PENYATA PERBANDINGAN BAJET DAN SEBENAR BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2017

	JUMLAH BAJET Asal	Jumlah Akhir	Jumlah Sebenar	^Varian Bajet
	RM	RM	RM	RM
PENERIMAAN				
Urus niaga bukan pertukaran	18,182,920	18,182,920	18,294,146	(111,226)
Urus niaga pertukaran	3,986,160	3,986,160	3,448,859	537,301
	<hr/> <hr/>	<hr/> <hr/>	<hr/> <hr/>	<hr/> <hr/>
	22,169,080	22,169,080	21,743,005	426,075
PEMBAYARAN				
Emolumen	10,505,742	10,505,742	9,656,039	849,703
Perkhidmatan dan bekalan	9,373,052	9,373,052	6,588,072	2,784,980
Pemilikan harta modal	1,365,256	1,365,256	163,237	1,202,019
Pemberian dan kenaan bayaran tetap	675,010	675,010	589,577	85,433
Perbelanjaan lain-lain	240,020	240,020	269,266	(29,246)
	<hr/> <hr/>	<hr/> <hr/>	<hr/> <hr/>	<hr/> <hr/>
	22,159,080	22,159,080	17,266,191	4,892,889
PENERIMAAN BERSIH	<hr/> <hr/>	<hr/> <hr/>	<hr/> <hr/>	<hr/> <hr/>
	10,000	10,000	4,476,814	(4,466,814)

[^] Merujuk kepada varian di antara Jumlah Bajet Akhir dan Jumlah Sebenar.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2017

1. MAKLUMAT AM

1.1 Kegiatan Utama Majlis

Kegiatan utama Majlis adalah memberi dan meningkatkan perkhidmatan dan kemudahan prasarana serta perancangan dan pelaksanaan program-program pentadbiran, ekonomi, dan sosial bagi kawasan Majlis Perbandaran Jasin.

Mengenakan cukai taksiran terhadap pemilik-pemilik harta bagi harta-harta yang boleh dikenakan cukai taksiran yang secara langsung atau tidak langsung menerima perkhidmatan Majlis seperti penataan lampu jalan, pembersihan longkang dan kutipan sampah.

Mengenakan sewa ke atas premis-premis Majlis.

Mengeluarkan lesen perniagaan kepada peniaga-peniaga yang menjalankan aktiviti perniagaan dalam kawasan operasi Majlis.

1.2 Penyata Kewangan ini dibentangkan dalam Ringgit Malaysia (“RM”) yang merupakan mata wang fungsian dan persempahan Majlis.

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN

2.1 Asas Penyediaan Penyata Kewangan

2.1.1 Penyata Kewangan Majlis disediakan berdasarkan kepada konvensyen kos sejarah selain yang dinyatakan secara berasingan dan mematuhi Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) dan 1 Pekeliling Perbendaharaan serta surat-surat pekeliling akauntan negara Malaysia yang berkaitan.

- 2.1.2 Penyata kewangan ini adalah merupakan penyata kewangan peralihan pertama yang disediakan menggunakan MPSAS kerana Majlis telah memilih pengecualian berhubung dengan pengiktirafan dan pengukuran aset dan liabiliti seperti yang dinyatakan pada nota 2.20 kepada Penyata Kewangan. Sebelum ini penyata kewangan Majlis telah disediakan menggunakan piawaian perakaunan Standard Pelaporan Entiti Persendirian Malaysia (MPERS) yang telah diluluskan oleh Mesyuarat Penuh Majlis.
- 2.1.3 Penyediaan Penyata Kewangan memerlukan pertimbangan, anggaran dan andaian yang memberi kesan kepada penggunaan dasar dan amaun bagi aset, liabiliti, hasil dan belanja yang dilaporkan.

Anggaran dan andaian yang digunakan akan disemak secara berterusan. Semakan semula kepada anggaran perakaunan akan diiktiraf dalam tempoh anggaran tersebut disemak, jika semakan semula hanya memberi kesan kepada tempoh tersebut, atau dalam tempoh semakan dan tempoh masa hadapan sekiranya semakan semula memberi kesan tempoh dan masa akan datang.

Sekiranya pertimbangan ini memberi kesan signifikan kepada amaun yang diiktiraf dalam Penyata Kewangan, ia hendaklah didehdakan dalam nota 2.20 Penyata Kewangan.

2.2 Pengiktirafan Pendapatan dan Perbelanjaan

2.2.1. Hasil daripada Urus niaga Bukan Pertukaran

Urus niaga bukan pertukaran akan diiktiraf sebagai aset apabila terdapat manfaat ekonomi masa depan atau potensi perkhidmatan dijangka mengalir ke dalam entiti, ianya berpunca daripada peristiwa lampau serta nilai saksama aset dapat diukur dengan munasabah. Urus niaga bukan pertukaran yang diiktiraf sebagai hasil, kecuali setakat liabiliti yang juga diiktiraf berkenaan dengan aliran masuk yang sama sebagai tertunda di dalam Penyata Kedudukan Kewangan. Apabila obligasi terhadap sesuatu liabiliti itu telah dipenuhi, entiti hendaklah mengurangkan amaun bawaan liabiliti yang diiktiraf itu dan mengiktiraf amaun hasil yang sama dengan pengurangan itu.

Hasil daripada Urus niaga Bukan Pertukaran adalah seperti berikut:

(i) Cukai Taksiran

Cukai Taksiran adalah hasil cukai yang dikenakan ke atas pegangan harta berkadar yang terletak di dalam kawasan Majlis. Cukai Taksiran diiktiraf sebagai hasil dalam Penyata Prestasi Kewangan semasa bil cukai semasa dikeluarkan iaitu pada setiap 1 Januari dan 1 Julai.

(ii) Sumbangan Membantu Kadar

Sumbangan Membantu Kadar adalah hasil cukai tak langsung yang dikenakan ke atas pegangan harta berkadar bagi agensi-agensi Kerajaan dan Badan Berkanun yang terletak di dalam kawasan Majlis. Sumbangan Membantu Kadar diiktiraf sebagai hasil dalam Penyata Prestasi Kewangan semasa bil dikeluarkan iaitu pada setiap awal tahun.

(iii) Lesen, Bayaran Pendaftaran dan Permit

Majlis merekodkan semua bayaran yang dikenakan berhubung dengan pemberian kelulusan atau kebenaran kepada individu, perbadanan, perniagaan dan perusahaan-perusahaan lain untuk tujuan peraturan dan kawalan. Ianya termasuk lesen perniagaan, permit sementara, lesen anjing, iklan dan lain-lain. Hasil ini diiktiraf apabila hak penerimaan dapat dipastikan atau ditentukan.

(iv) Denda dan Hukuman

Denda dan hukuman merupakan bayaran denda, sitaan dan hukuman-hukuman lain yang dikenakan kerana melanggar undang-undang atau kerana kegagalan memenuhi tanggungan kontrak sama ada berkaitan dengan spesifikasi atau masa termasuk denda cukai taksiran, waran, kos guaman, kompaun dan lain-lain kos penguatkuasaan.

Hasil bagi denda dan hukuman diiktiraf setelah Majlis menerima bayaran kerana berdasarkan pengalaman dan ketidakpastian dalam membuat kutipan ke atas hasil denda dan hukuman dan hak penerimaan dapat dipastikan atau ditentukan kecuali hasil notis dan waran akan diiktiraf bila bil dikeluarkan.

(v) Geran Kerajaan

Geran Kerajaan yang tidak dikenakan syarat-syarat prestasi masa depan yang tertentu seperti geran keseimbangan diambil kira sebagai hasil di dalam Penyata Prestasi Kewangan. Geran Kerajaan yang dikenakan syarat-syarat prestasi masa depan tertentu seperti geran pembangunan diiktiraf sebagai geran tertunda dan dilunaskan sebagai hasil bersamaan dengan amaan bawaan liabiliti yang telah memenuhi syarat.

2.2.2 Hasil daripada Urus niaga Pertukaran

Hasil daripada urus niaga pertukaran diiktiraf apabila terdapat kemungkinan bahawa manfaat ekonomi masa hadapan atau potensi perkhidmatan akan mengalir kepada entiti dan manfaat ini boleh diukur dengan pasti.

Hasil daripada Urus niaga Pertukaran adalah seperti berikut:

(i) Perkhidmatan dan Bayaran Perkhidmatan

Perkhidmatan dan Bayaran Perkhidmatan ini melibatkan semua terimaan berkenaan dengan perkhidmatan yang diberi oleh Majlis termasuk perkhidmatan tempat letak kereta, pelan perancangan, pelan infrastruktur, pelan bangunan, selenggaraan gerai dan pasar, potong rumput dan lain-lain perkhidmatan. Hasil ini diiktiraf apabila hak penerimaan dapat dipastikan atau ditentukan.

(ii) Perolehan dari Jualan Barang-Barang

Perolehan dari Jualan Barang-Barang merupakan terimaan daripada jualan borang sebutharga dan tender serta jualan harta benda fizikal (tidak termasuk pelaburan) dan lain-lain. Hasil ini diiktiraf apabila hak penerimaan dapat dipastikan atau ditentukan.

(iii) Sewaan

Hasil sewaan dikenakan ke atas premis-premis Majlis mengikut syarat perjanjian penyewaan dan diiktiraf bila bil dikeluarkan kecuali sewaan tanpa perjanjian diiktiraf apabila bayaran diterima.

(iv) Faedah dan Perolehan dari Pelaburan

Hasil keuntungan daripada pelaburan diiktiraf atas dasar perkadaruan masa yang mengambil kira kadar pulangan hasil efektif atas aset tersebut. Kadar pulangan hasil efektif ke atas aset ialah kadar keuntungan yang diperlukan untuk mendiskalunkan jangkaan aliran penerimaan tunai masa hadapan sepanjang hayat aset tersebut untuk disamakan dengan amaan bawaan aset tersebut.

(v) Lain-lain terimaan adalah terimaan selain daripada nota 2.2.2(i) hingga (iv) di atas. Ianya diiktiraf selepas perkhidmatan diberikan.

2.3. Hartanah, Loji dan Peralatan

- 2.3.1 Hartanah, Loji dan peralatan diiktiraf pada nilai kos yang melebihi RM2,000 setiap satu.
- 2.3.2. Hartanah, loji dan peralatan dinyatakan pada kos tolak susut nilai dan rosot nilai terkumpul (jika ada). Kos termasuk semua kos langsung yang terlibat untuk membawa aset tersebut ke lokasi dan keadaan yang membolehkannya beroperasi dalam cara yang dikehendaki oleh pihak pengurusan. Kos penggantian bagi mana-mana aset yang memerlukan penggantian secara berkala akan dipermodalkan manakala nilai dibawa bagi bahagian yang diganti tersebut akan dinyahiktirafkan. Kos-kos perkhidmatan harian akan diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam Penyata Prestasi Kewangan.
- 2.3.3. Jika sesuatu aset diperolehi melalui urus niaga bukan pertukaran, kos hendaklah diukur berdasarkan nilai saksama pada tarikh perolehan. Aset-aset ini kemudiannya akan dikreditkan di dalam Penyata Prestasi Kewangan, melainkan jika terdapat syarat-syarat mengenai penggunaan aset tersebut, di mana ia perlu diiktiraf di dalam liabiliti semasa.
- 2.3.4. Nilai dibawa item harta tanah, loji dan peralatan hendaklah dinyahiktirafkan semasa pelupusan atau apabila tiada manfaat ekonomi masa hadapan atau potensi perkhidmatan yang dijangka daripada penggunaan atau pelupusannya. Keuntungan atau kerugian atas nyahiktiraf harta tanah, loji dan peralatan adalah ditentukan dengan membandingkan nilai pelupusan bersih dengan nilai dibawa aset di mana perbezaannya akan diambil kira sebagai keuntungan atau kerugian di dalam Penyata Prestasi Kewangan.

2.4. Susut nilai Hartanah, Loji dan Peralatan

- 2.4.1. Susut nilai dikira mengikut Kaedah Garis Lurus untuk menghapus kira kos aset tersebut sepanjang anggaran hayat berguna aset-aset berkenaan. Susut nilai tanah pula dikira mengikut tempoh pajakan.

- 2.4.2. Kadar susut nilai tahunan, loji dan peralatan adalah seperti berikut:

Hartanah, loji dan peralatan	Kadar pelunasan/susut nilai Mengikut tempoh pajakan
Tanah – milik pajakan	10%
Alat Kelengkapan Pejabat	2%
Bangunan Kekal	2%-5%
Bangunan Separuh Kekal	20%
Kenderaan & Jentera	20%
Komputer	20%
Lain-lain harta	10%
Mesin pejabat	10%
Perabot pejabat	10%
Ubahsuai	10.00%

- 2.4.3. Jika terdapat tanda perubahan yang ketara dalam faktor-faktor yang memberi kesan kepada nilai sisa, jangkaan hayat atau corak berguna aset sejak tarikh laporan tahunan lepas, nilai sisa, kaedah susut nilai dan hayat berguna aset yang boleh disusutnilai akan disemak semula dan dilaraskan secara prospektif.

2.5. Hartanah Pelaburan

- 2.5.1. Hartanah Pelaburan adalah harta tanah yang dipegang untuk menjana sewaan atau peningkatan modal atau kedua-duanya. Ia tidak termasuk harta tanah yang dipegang untuk tujuan strategik atau untuk menyediakan perkhidmatan sosial walaupun harta tanah tersebut menghasilkan sewa.
- 2.5.2. Pengiktirafan awal bagi harta tanah pelaburan yang diperoleh melalui urus niaga pertukaran adalah diiktiraf pada harga kos manakala perolehan melalui urus niaga bukan pertukaran diukur pada nilai saksama pada tarikh pemerolehan.

- 2.5.3. Susulan kepada pengiktirafan awal, hartaanah pelaburan dinyatakan sebagai kos tolak susut nilai terkumpul dan kerugian rosot nilai terkumpul (jika ada).
- 2.5.4. Susutnilai hartaanah pelaburan dikira menggunakan asas garis lurus mengikut anggaran hayat berguna aset tersebut. Hartaanah pelaburan berkaitan tanah pegangan bebas tidak disusutnilai, tetapi tanah pajakan dilunaskan mengikut tempoh pajakan. Caj susut nilai akan diiktiraf di dalam Penyata Prestasi Kewangan.
- 2.5.5. Untung atau rugi akibat pelupusan hartaanah pelaburan diiktiraf pada amaun bersih dalam Penyata Prestasi Kewangan.

2.6. Aset Tidak Ketara

- 2.6.1. Aset tak ketara diiktiraf apabila ia terdapat kemungkinan bahawa manfaat ekonomi masa hadapan atau potensi perkhidmatan akan mengalir kepada Majlis dan kos atau nilai saksama aset boleh diukur dengan pasti.
- 2.6.2. Aset tak ketara diambil alih secara berasingan adalah diukur pada kos pada awalnya manakala aset yang diperolehi melalui urus niaga bukan pertukaran akan diukur berdasarkan nilai saksama pada tarikh perolehan. Selepas itu, aset tak ketara diukur pada kos ditolak sebarang pelunasan terkumpul dan sebarang kerugian rosot nilai terkumpul, jika ada. Kos yang berkaitan dengan aset tak ketara yang dijanakan secara dalaman kecuali perbelanjaan pembangunan diiktiraf sebagai perbelanjaan.
- 2.6.3. Sesuatu aset tak ketara itu akan dinilai sama ada terdapat tempoh jangkaan hayat atau pun tidak. Jika aset tak ketara itu tidak mempunyai jangkaan hayat, maka ia tidak perlu dilunaskan tetapi perlu dinilai sama ada perlu dibuat rosot nilai jika terdapat sebarang petunjuk.
- 2.6.4. Perisian komputer dan anti-virus dilunaskan berdasarkan jangkaan hayat selama 5 tahun.
- 2.6.5. Pada setiap tarikh pelaporan, tempoh dan kaedah pelunasan akan dikaji semula jika terdapat tanda perubahan yang ketara dalam faktor-faktor yang memberi kesan kepada nilai sisa, jangkaan hayat atau corak penggunaan aset sejak tarikh pelaporan tahunan yang lalu.
- 2.6.6. Keuntungan atau kerugian atas nyahiktiraf aset tak ketara adalah ditentukan dengan membandingkan nilai pelupusan bersih dengan nilai dibawa aset di mana perbezaannya akan diambil kira sebagai keuntungan atau kerugian di dalam Penyata Prestasi Kewangan.

2.7. Kerja dalam Kemajuan

Kerja dalam kemajuan adalah bagi kerja-kerja pembinaan hartaanah, loji dan peralatan serta perisian komputer dalam pelaksanaan yang belum disempurnakan sehingga akhir tahun kewangan. Kos bagi pembinaan hartaanah, loji dan peralatan akan dipermodalkan sebagai hartaanah, loji dan peralatan mengikut tarikh Sijil Perakuan Siap (*Certificate of Practical Completion*) dikeluarkan atau dilunaskan. Bagi kos perisian komputer pula ia akan dipermodalkan apabila perisian tersebut sedia untuk digunakan atau dilunaskan.

2.8. Aset Kewangan

- 2.8.1. Aset Kewangan diiktiraf dalam Penyata Kedudukan Kewangan apabila Majlis menjadi pihak kepada peruntukan kontrak instrumen.
- 2.8.2. Pada pengiktirafan awal, aset kewangan adalah diukur pada nilai saksama, termasuk kos urus niaga untuk aset kewangan yang tidak diukur pada nilai saksama menerusi lebihan atau kurangan, yang terlibat secara langsung di dalam mengisu aset kewangan.

- 2.8.3. Selepas pengiktirafan awal, aset kewangan akan dikelaskan kepada salah satu daripada empat kategori aset kewangan iaitu aset kewangan diukur pada nilai saksama menerusi lebihan atau kurangan, pinjaman dan belum terima, pelaburan dipegang hingga matang dan aset kewangan sedia untuk dijual.
- 2.8.4 Pembelian atau penjualan aset kewangan yang memerlukan penyerahan aset dalam tempoh masa yang ditetapkan oleh peraturan atau konvensyen di dalam pasaran akan diiktiraf pada tarikh transaksi itu dibuat, iaitu tarikh di mana Majlis membuat komitmen untuk membeli atau menjual aset tersebut.
- 2.8.5 Majlis hanya mempunyai kategori aset kewangan seperti berikut:

(i) Pinjaman dan Belum Terima

Pinjamaan dan belum terima adalah aset kewangan bukan derivatif dengan bayaran tetap atau boleh ditentukan yang tidak disebut harga dalam pasaran aktif. Selepas pengukuran awal, aset kewangan tersebut kemudiannya diukur pada kos dilunaskan menggunakan kaedah faedah berkesan dan ditolak rosot nilai. Kos dilunaskan dikira dengan mengambil kira apa-apa diskauan atau premium atas pembelian aset tersebut serta yuran atau kos yang merupakan sebahagian daripada kadar faedah berkesan. Kerugian yang timbul daripada kemerosotan nilai diiktiraf dalam Penyata Prestasi Kewangan.

(ii) Pelaburan dipegang hingga Matang

Aset kewangan bukan derivatif dengan tempoh matang pembayaran tetap atau boleh ditentukan dan tetap diklasifikasikan sebagai dipegang untuk matang apabila Majlis mempunyai niat positif dan keupayaan untuk memegang sehingga matang. Selepas pengukuran awal, dipegang hingga matang pelaburan diukur pada kos yang dilunaskan menggunakan kaedah faedah berkesan dan ditolak rosot nilai. Kos pelunasan dikira dengan mengambil kira apa-apa diskauan atau premium atas pengambilalihan dan yuran atau kos yang merupakan sebahagian daripada kadar faedah efektif. Kerugian yang timbul daripada kemerosotan nilai diiktiraf dalam Penyata Prestasi Kewangan.

(iii) Rosot nilai Aset Kewangan

Pada akhir setiap tempoh pelaporan, Majlis akan menilai sama ada terdapat sebarang bukti objektif bahawa aset kewangan perlu untuk dirosot nilai. Bukti objektif termasuk:

- (i) kesukaran kewangan yang ketara oleh peminjam;
- (ii) pembayaran tertunggak;
- (iii) kemungkinan bahawa peminjam akan muflis; atau
- (iv) data yang menunjukkan bahawa terdapat penurunan di dalam anggaran aliran tunai

Bagi kategori aset kewangan yang diukur pada kos dilunaskan, jika tiada bukti objektif wujud bagi individu yang ketara, maka semua aset dalam Majlis yang mempunyai ciri-ciri risiko yang serupa tidak kira sama ada ia ketara atau tidak, akan dinilai secara kolektif untuk menentukan sama ada ia perlu dibuat rosot nilai.

Kerugian rosot nilai, berhubung dengan aset kewangan yang diukur pada kos dilunaskan, diukur sebagai perbezaan di antara nilai dibawa aset berkenaan dan nilai semasa anggaran aliran tunai yang didiskaunkan pada kadar faedah berkesan yang asal. Nilai dibawa aset tersebut akan dikurangkan melalui penggunaan akaun peruntukan. Sebarang kerugian rosot nilai diiktiraf dalam lebihan atau kurangan dengan serta-merta.

Jika, dalam tempoh kemudiannya, sebarang amaun kerugian rosot nilai menurun, kerugian rosot nilai yang diiktiraf sebelumnya akan dibalikkan secara langsung dalam akaun peruntukan. Pembalikkan ini diiktiraf dalam Penyata Prestasi Kewangan dengan serta merta.

(iv) Penyahiktirafan Aset Kewangan

Aset kewangan dinyahiktiraf apabila hak kontrak untuk aliran tunai daripada aset kewangan tersebut tamat tempoh atau diselesaikan serta Majlis telah memindahkan risiko dan ganjaran pemilikan aset kewangan yang ketara kepada pihak lain.

Pada penyahiktirafan aset kewangan secara keseluruhannya, perbezaan di antara nilai dibawa dan jumlah pertimbangan diterima diiktiraf dalam lebihan atau kurangan dalam tempoh penyahiktirafan.

2.9. Peruntukan dan Liabiliti

- 2.9.1. Peruntukan diiktiraf apabila Majlis mempunyai obligasi semasa (perundangan atau konstruktif) hasil daripada peristiwa lalu, terdapat kemungkinan bahawa aliran keluar sumber yang mengandungi manfaat ekonomi perlu dilakukan untuk menyelesaikan obligasi dan jumlah obligasi boleh dianggarkan dengan pasti. Apabila Majlis menjangkakan beberapa atau semua peruntukan akan dibayar balik, perbelanjaan berkaitan peruntukan dibentangkan dalam Penyata Prestasi Kewangan daripada sebarang pembayaran balik.

2.10. Liabiliti Luar Jangka dan Aset Luar Jangka

- 2.10.1. Liabiliti luar jangka adalah obligasi semasa yang tidak diiktiraf kerana tiada kebarangkalian aliran keluar sumber akan diperlukan untuk menyelesaikan obligasi atau dalam kes yang sangat jarang berlaku di mana liabiliti tidak dapat diiktiraf kerana ia tidak boleh diukur secara pasti. Liabiliti luar jangka tidak diiktiraf tetapi didedahkan dalam penyata kewangan. Obligasi yang muncul dari peristiwa yang lepas, yang kewujudannya hanya dapat disahkan melalui berlakunya atau tidak berlakunya satu atau lebih peristiwa akan datang yang belum pasti, tidak di bawah kawalan Majlis keseluruhan juga didedahkan sebagai liabiliti luar jangka melainkan kebarangkalian aliran keluar sumber ekonomi adalah kecil.
- 2.10.2 Aset luar jangka adalah aset yang berkemungkinan wujud daripada peristiwa lalu yang kewujudan akan hanya disahkan apabila berlaku atau tidak berlakunya satu atau lebih peristiwa yang tidak pasti pada masa hadapan yang bukan dalam kawalan penuh Majlis. Majlis tidak mengiktiraf aset luar jangka dalam penyata kewangan tetapi mendedahkan kewujudan di mana aliran masuk manfaat ekonomi adalah berkemungkinan, tetapi tidak pasti.

2.11. Liabiliti Kewangan

- 2.11.1. Liabiliti kewangan diiktiraf dalam Penyata Kedudukan Kewangan apabila Majlis menjadi pihak kepada peruntukan kontrak instrumen.
- 2.11.2. Pada pengiktirafan awal, liabiliti kewangan adalah diukur pada nilai saksama, termasuk kos urus niaga untuk liabiliti kewangan yang tidak diukur pada nilai saksama menerusi lebihan atau kurangan, yang terlibat secara langsung di dalam mengisuh liabiliti kewangan.
- 2.11.3. Selepas pengiktirafan awal, liabiliti kewangan dikelaskan kepada salah satu daripada dua kategori liabiliti kewangan iaitu liabiliti kewangan diukur pada nilai saksama menerusi lebihan atau kurangan dan pinjaman belum bayar.

2.11.4. Majlis mempunyai kategori liabiliti kewangan seperti berikut:

(i) Pinjaman dan Belum Bayar

Selepas pengiktirafan awal, pinjaman dan belum bayar adalah diukur pada kos dilunaskan menggunakan Kaedah Faerah Berkesan. Keuntungan atau kerugian diiktiraf di dalam lebihan atau kurangan apabila liabiliti kewangan dinyahiktiraf atau dirosot nilai.

Kaedah faerah berkesan adalah kaedah untuk mengira kos dilunaskan liabiliti kewangan dan untuk memperuntukan perbelanjaan faerah ke atas tempoh yang berkaitan. Kadar faerah berkesan adalah kadar diskau anggaran pembayaran tunai masa depan yang tepat menerusi jangka hayat liabiliti kewangan atau, apabila sesuai, tempoh yang lebih singkat, dengan nilai dibawa liabiliti kewangan tersebut.

(ii) Penyahiktirafan Liabiliti Kewangan

Liabiliti kewangan dinyahiktiraf apabila obligasi yang dinyatakan dalam kontrak telah dilepaskan, dibatalkan atau tamat hayat.

Sebarang perbezaan di antara nilai dibawa liabiliti kewangan yang dinyahiktiraf dan pertimbangan dibayar adalah diiktiraf di dalam lebihan atau kurangan dalam tempoh penyahiktiraf.

2.12. Kumpulan Wang Pinjaman Kenderaan dan Lain-lain

Kumpulan wang pinjaman kenderaan dan lain-lain merupakan jumlah wang yang dipindahkan daripada Kumpulan Wang Mengurus bagi tujuan membiasai Pinjaman Kenderaan dan Pinjaman Komputer.

2.13. Tunai dan Kesetaraan Tunai

Penyata aliran tunai disediakan menggunakan kaedah tidak langsung. Tunai dan kesetaraan tunai terdiri daripada tunai di tangan dan di bank serta pelaburan berkecairan tinggi dengan bank berlesen dan institusi kewangan yang mempunyai tempoh matang dua belas bulan atau kurang yang sedia ditukar kepada amanah tunai yang diketahui dan tertakluk kepada risiko perubahan nilai yang tidak ketara.

2.14. Manfaat Pekerja

2.14.1. Manfaat Kakitangan Jangka Pendek

Majlis sebagai Pihak Berkuasa Tempatan adalah tertakluk kepada peraturan-peraturan perjawatan yang ditetapkan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA). Manfaat pekerja jangka pendek yang digariskan oleh JPA adalah gaji pokok, elau-elau tetap, elau-elau berubah, pelbagai cuti termasuk cuti tahunan sehingga 35 hari, kemudahan perubatan di Institut Jantung Negara (IJN), Dialisis dan peralatan bahan tiruan yang diluluskan oleh Kementerian Kesihatan dan kemudian pinjaman perumahan, kenderaan dan komputer.

Faerah kakitangan jangka pendek termasuk gaji, upah, bonus, dan caruman keselamatan sosial dikira sebagai perbelanjaan dalam tahun di mana perkhidmatan berkaitan diberikan oleh pekerja. Pengumpulan ganti rugi jangka pendek bagi ketidakhadiran seperti cuti tahunan bergaji akan diambil kira apabila perkhidmatan diberikan oleh pekerja di mana hak mereka terhadap ganti rugi ketidakhadiran di masa hadapan akan meningkat dan ganti rugi jangka pendek yang tidak dikumpulkan di atas ketidakhadiran seperti cuti sakit akan dikira apabila ketidakhadiran berlaku.

2.14.2. Manfaat Selepas Perkhidmatan

(i) Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP)

Majlis mencarum kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja pada kadar yang dikanunkan. Caruman tersebut di caj ke dalam Penyata Prestasi Kewangan dalam tempoh kewangan ianya berlaku.

(ii) Kumpulan Wang Amanah Persaraan (KWAP)

Majlis mencarum kepada Kumpulan Wang Amanah Persaraan (Diperbadankan bagi kakitangan yang diberi taraf berpencen pada kadar yang dikanunkan. Caruman tersebut di caj ke dalam Penyata Prestasi Kewangan dalam tempoh kewangan ianya berlaku.

(iii) Manfaat Cuti Rehat dan Ganjaran Kakitangan Kontrak

Bagi kakitangan tetap majlis sama ada memilih skim berpencen mahupun KWSP akan mendapat ganjaran cuti rehat (GCR) apabila tiba umur persaraan mereka. Ganjaran ini adalah berdasarkan Pekeliling Perkhidmatan yang dikeluarkan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam dan digunakan oleh Majlis.

2.15. Rosot nilai Aset Bukan Kewangan

2.15.1. Aset Penjanaan Tunai

Pada setiap tarikh penyata kedudukan kewangan, Majlis mengkaji semula nilai dibawa bagi aset-asetnya untuk menentukan sama ada terdapat sebarang petunjuk kemerosotan nilai. Jika sebarang petunjuk wujud, rosot nilai dikira dengan membandingkan nilai dibawa aset dengan amanah boleh pulih. Amanah boleh pulih adalah nilai tertinggi di antara nilai saksama ditolak kos untuk dijual dan nilai dalam penggunaan.

Dalam menentukan nilai dalam penggunaan, aliran tunai masa hadapan akan didiskaun kepada nilai semasaanya menggunakan kadar diskau sebelum cukai yang menggambarkan nilai pasaran semasa nilai masa wang dan risiko khusus kepada aset tersebut. Di dalam menentukan nilai saksama ditolak kos untuk dijual pula, urus niaga pasaran terkini akan diambil kira, jika ada. Jika tiada urus niaga pasaran terkini berlaku, model penilaian yang sesuai hendaklah digunakan.

Kerugian kemerosotan diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam Penyata Prestasi Kewangan serta merta apabila nilai dibawa aset melebihi amanah boleh pulihnya, melainkan aset tersebut dibawa pada jumlah penilaian semula. Sebarang kerugian kemerosotan aset yang dinilai semula akan dikurangkan setakat lebihan penilaian semula yang masih belum digunakan bagi aset yang sama.

2.15.2. Aset Penjanaan Bukan Tunai

Majlis akan menilai pada setiap tarikh pelaporan sama ada terdapat petunjuk bahawa aset penjanaan bukan tunai mungkin terjejas. Jika sebarang petunjuk wujud, maka Majlis akan membuat anggaran ke atas jumlah perkhidmatan boleh pulih aset. Jumlah perkhidmatan boleh pulih aset adalah nilai tertinggi di antara nilai saksama ditolak kos untuk dijual dan nilai dalam penggunaan.

Kerugian kemerosotan diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam Penyata Prestasi Kewangan serta merta apabila nilai dibawa aset melebihi jumlah perkhidmatan boleh pulihnya.

Dalam menentukan nilai dalam penggunaan, Majlis telah menggunakan pendekatan kos penggantian yang disusut nilai. Di bawah pendekatan ini, nilai semasa baki potensi perkhidmatan aset ditentukan sebagai kos penggantian aset yang telah disusut nilai. Kos penggantian yang disusut nilai akan diukur dengan mengambil kira kos penggantian aset ditolak susut nilai terkumpul yang dikira atas kos itu bagi mencerminkan potensi perkhidmatan aset yang telah digunakan atau sudah luput.

Dalam menentukan nilai saksama ditolak kos untuk dijual pula, harga aset dalam perjanjian yang mengikat akan dilaraskan bagi menentukan harga pelupusan aset tersebut. Jika tiada perjanjian yang mengikat, tetapi aset tersebut diniagakan di pasaran secara aktif, maka nilai saksama ditolak kos untuk dijual adalah ditentukan dengan merujuk kepada nilai pasaran terkini ditolak kos pelupusan. Jika tiada perjanjian jual mengikat atau pasaran aktif bagi aset, Majlis menentukan nilai saksama ditolak kos untuk menjual berdasarkan maklumat yang ada yang terbaik.

Bagi setiap aset, penilaian dibuat pada setiap tarikh laporan sama ada terdapat sebarang petunjuk yang sebelum ini kerugian rosot nilai yang diiktiraf mungkin tidak lagi wujud atau telah berkurangan.

Jika petunjuk sedemikian wujud, Majlis menganggarkan jumlah perkhidmatan boleh pulih aset. Kerugian kemerosotan nilai yang diiktiraf sebelumnya dibalikkan hanya jika terdapat perubahan dalam andaian yang digunakan untuk menentukan jumlah perkhidmatan boleh pulih aset sejak kerugian kemerosotan nilai terakhir diiktiraf. Pembalikan adalah terhad setakat nilai dibawa aset tidak melebihi jumlah perkhidmatan boleh pulih atau tidak melebihi nilai dibawa yang mungkin setelah susut nilai terkumpul seperti tiada kerugian kemerosotan nilai diiktiraf bagi aset tersebut dalam tahun sebelumnya. Pembalikan tersebut diiktiraf dalam Penyata Prestasi Kewangan.

2.16. Percukaian

- 2.16.1. Majlis Perbandaran Jasin adalah dikecualikan daripada cukai menurut Seksyen 127, Jadual 6: Akta Cukai Pendapatan 1967.

2.17. Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST)

- 2.17.1. Pelaksanaan Cukai Barang dan Perkhidmatan berkuatkuasa pada 1 April 2015. Implikasi cukai barang dan perkhidmatan kepada majlis adalah seperti berikut:

(i) Cukai Output

Terimaan hasil cukai taksiran dan lesen adalah dikecualikan daripada GST dan tiada cukai output dibayar. Terimaan hasil selain cukai taksiran contohnya seperti sewaan ruang niaga, sewaan dewan adalah tertakluk kepada GST berkadar standard (6%) atau berkadar sifar (0%).

(ii) Cukai Input

Majlis menanggung GST yang dikenakan oleh pembekal bagi perolehan perkhidmatan. Majlis boleh menuntut GST (cukai input) bagi perolehan bekalan/perkhidmatan berkadar standard 6% sekiranya perolehan tersebut ada kaitan dengan pembekalan berkadar standard 6% (cukai output).

2.18. Maklumat Bajet

- 2.18.1. Bajet tahunan disediakan pada asas tunai. Memandangkan penyata kewangan disediakan menggunakan asas akruan, maka satu Penyata Perbandingan Bajet dan Sebenar didedahkan secara berasingan. Penyata ini disediakan menggunakan asas penyediaan bajet tahunan.

- 2.18.2. Bajet tahunan ini telah dibentangkan di dalam Mesyuarat Khas Bajet Majlis Perbandaran Jasin dan telah diluluskan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, Negeri Melaka.
- 2.19. Pertimbangan Perakaunan Kritikal dan Sumber Utama Ketidakpastian Anggaran

2.19.1 Pertimbangan Perakaunan Kritikal

Tiada sebarang pertimbangan perakaunan kritikal selain daripada anggaran yang terlibat seperti di bawah, yang mempunyai kesan ketara ke atas jumlah yang diiktiraf di dalam penyata kewangan.

2.19.2. Sumber Utama Ketidakpastian Anggaran

Anggaran utama berkenaan masa hadapan, dan lain-lain sumber utama ketidakpastian anggaran pada tarikh pelaporan, yang mempunyai risiko ketara yang akan menyebabkan pelarasan penting terhadap nilai dibawa aset dan liabiliti di dalam tahun kewangan seterusnya adalah seperti berikut:

(i) Kerugian Hutang Ragu bagi Belum Terima

Majlis menilai pada setiap tarikh pelaporan sama ada terdapat sebarang bukti objektif bahawa aset kewangan terjejas. Untuk menentukan sama ada terdapat bukti objektif hutang ragu, Majlis menganggap faktor seperti ketidakmampuan bayar siberhutang dan keingkaruan atau kelewatan pembayaran yang ketara. Jika terdapat bukti potensi hutang tak mampu dibayar, jumlah dan masa aliran tunai masa depan dianggarkan berdasarkan sejarah pengalaman kerugian untuk aset yang mempunyai ciri-ciri risiko kredit yang serupa.

(ii) Perubahan Anggaran Jangka Hayat bagi Hartanah, Loji dan Peralatan

Semua harta tanah, loji dan peralatan disusunnilaikan mengikut Kaedah Garis Lurus sepanjang jangka hayat tersebut. Majlis menganggarkan jangka hayat harta tanah, loji dan peralatan dalam tempoh 3 hingga 50 tahun. Perubahan dalam anggaran corak penggunaan aset dan pembangunan teknologi boleh memberi kesan kepada jangka hayat dan nilai sisa aset tersebut. Ini akan menyebabkan susut nilai aset pada masa hadapan akan disemak semula.

(iii) Penentuan Harta Pelaburan

Sebahagian daripada harta tanah Majlis adalah dipegang untuk mendapatkan pendapatan sewa atau untuk tujuan peningkatan nilai atau untuk kedua-duanya. Sebahagian yang lain pula dipegang untuk kegunaan sendiri. Jika bahagian sesuatu harta tanah itu yang dipegang untuk tujuan mendapatkan pendapatan sewa atau untuk peningkatan nilai boleh dijual secara berasingan atau dipajak secara berasingan sebagai pajakan kewangan, maka Majlis akan mengkategorikan bahagian tersebut sebagai harta tanah pelaburan. Manakala jika sesuatu bahagian harta tanah itu tidak boleh dijual atau dipajak secara berasingan, maka ia akan diklasifikasikan sebagai harta tanah pelaburan jika sebahagian harta tanah yang lain yang dipegang untuk kegunaan sendiri adalah tidak signifikan.

(iv) Pengukuran peruntukan

Majlis sentiasa menggunakan anggaran terbaik sebagai asas untuk mengukur sesuatu peruntukan itu. Anggaran itu dibuat berdasarkan kepada pengalaman lalu, lain-lain petunjuk atau andaian, perkembangan terkini dan peristiwa masa hadapan yang munasabah dalam menentukan sesuatu peruntukan.

2.20. Kesan Pemakaian MPSAS

2.20.1. Penyata kewangan ini adalah merupakan penyata kewangan peralihan pertama Majlis yang dibentangkan menggunakan rangka kerja perakaunan MPSAS di mana sebelum ini penyata kewangan Majlis telah disediakan mengikut Piawaian Perakaunan Standard Pelaporan Entiti Persendirian Malaysia (MPERS) yang telah diluluskan oleh Mesyuarat Penuh Majlis. Dasar-dasar perakaunan yang digunakan di dalam menyediakan penyata kewangan tahun kewangan ini adalah selaras dengan yang telah digunakan di dalam tahun kewangan sebelum ini selain daripada dasar-dasar perakaunan yang dinyatakan seperti berikut:

(i) Peruntukan Manfaat Pekerja

MPSAS 25 Employee Benefits menghendaki entiti mengiktiraf semua manfaat yang diberikan kepada kakitangan majlis. Majlis mempunyai obligasi untuk membayar Gantian Cuti Rehat kepada kakitangannya apabila mereka bersara kelak. Walau bagaimanapun, majlis masih lagi dalam proses mengenalpasti maklumat berkaitan.

(ii) Aset Tak Ketara

Di dalam tahun kewangan sebelum ini, semua perbelanjaan berhubung perisian komputer telah diiktiraf di dalam Penyata Pretasi Kewangan. MPSAS mengkehendaki perbelanjaan berhubung perisian komputer ini dipermodalkan kerana terdapat kemungkinan manfaat ekonomi masa hadapan atau potensi perkhidmatan akan mengalir kepada Majlis dan kos atau nilai saksama aset boleh diukur dengan pasti. Oleh itu, pelarasan berhubung aset tidak ketara ini telah diambilkira di dalam Penyata Kewangan ini.

(iii) Hartanah Pelaburan

Di dalam tahun kewangan sebelum ini, harta tanah pelaburan yang dimiliki oleh majlis ditunjukkan di bawah Hartanah, Loji dan Peralatan. Pemakaian MPSAS mengkehendaki artanah pelaburan ini diklasifikasikan berasingan di dalam Penyata Kedudukan Kewangan di mana majlis telah membuat pelarasan tersebut.

(iv) Pengiktirafan faedah ke atas pinjaman kepada kakitangan

Di dalam tahun kewangan sebelum ini, majlis mengiktiraf faedah yang akan diperolehi daripada pinjaman pada ketika mengiktiraf pinjaman tersebut. MPSAS 9, hasil daripada urus niaga pertukaran menghendaki faedah diiktiraf atas dasar perkadaruan masa yang mengambil kira kadar pulangan hasil efektif ke atas aset. Majlis telah memilih peruntukan dan pengecualian bagi pengiktirafan faedah pinjaman kakitangan menggunakan kadar pulangan efektif kerana majlis masih dalam proses menyelenggara semula maklumat pinjaman kakitangan.

(v) Pengiktirafan Kumpulan Wang dan Geran Tertunda

Di dalam tahun kewangan sebelum ini, semua kumpulan wang diiktiraf dan geran tertunda diiktiraf sebagai liabiliti. Perubahan dasar perakaunan ini dibuat bagi memenuhi kehendak MPSAS 23.

2.20.2. Selain daripada perubahan dasar-dasar perakaunan di atas, Majlis juga telah menggunakan peruntukan dan pengecualian peralihan berikut ketika menyediakan penyata kewangan ini yang pertama kali disediakan mengikut rangka kerja perakaunan MPSAS.

Peruntukan dan pengecualian yang memberi kesan ketara ke atas penyata kewangan

(i) Aset Infrastruktur

Majlis mempunyai aset infrastruktur yang tidak dipermodalkan di dalam penyata kewangan sebelum ini, semua kos yang terlibat bagi aset infrastruktur telah diiktiraf sebagai belanja di dalam Penyata Prestasi Kewangan. MPSAS mengkehendaki aset-aset ini dipermodalkan. Majlis telah memilih peruntukan dan pengecualian bagi pengiktirafan aset infrastruktur ini bagi tempoh tiga (3) tahun bermula tarikh menerima pakai MPSAS atau sehingga aset tersebut diiktiraf dan diukur (mana yang terdahulu). Ini disebabkan majlis masih lagi di dalam proses untuk menyelenggara maklumat berhubung aset infrastrukturnya.

(ii) Aset Hidup

Majlis mempunyai aset hidup yang tidak dipermodalkan di dalam penyata kewangan. Di dalam tahun kewangan sebelum ini, semua kos yang terlibat bagi aset hidup telah diiktiraf sebagai belanja di dalam Penyata Prestasi Kewangan. MPSAS mengkehendaki aset-aset ini dipermodalkan. Majlis telah memilih peruntukan dan pengecualian bagi pengiktirafan aset hidup ini bagi tempoh tiga (3) tahun bermula tarikh menerima pakai MPSAS atau sehingga aset tersebut diiktiraf dan diukur (mana yang terdahulu). Ini disebabkan majlis masih lagi di dalam proses untuk menyelenggara maklumat berhubung aset hidup tersebut.

(iii) Peruntukan Manfaat Pekerja

MPSAS 25 Employee Benefits mengkehendaki entiti mengiktiraf semua manfaat yang diberikan kepada kakitangan. Memandangkan majlis mempunyai obligasi untuk membayar Gantian Cuti Rehat kepada kakitangannya apabila mereka bersara kelak, maka majlis akan membuat peruntukan tersebut di dalam penyata kewangan. Majlis telah memilih peruntukan dan pengecualian bagi peruntukan manfaat pekerja bagi tempoh tiga tahun bermula dari tarikh menerima pakai MPSAS atau sehingga peruntukan diiktiraf dan diukur (mana yang terdahulu). Ini disebabkan Majlis masih lagi di dalam proses untuk menyelenggara maklumat berhubung peruntukan manfaat pekerjanya.

(iv) Inventori

Majlis masih belum menggunakan Sistem Pengurusan Stor (SPS) bagi mengiktiraf inventori majlis sebagaimana Pekeliling Tatacara Pengurusan Stor AM 6.1.

(v) Peruntukan Hutang Ragu

Di dalam tahun kewangan sebelum ini, Penghutang pada asalnya diiktiraf pada kos dan selanjutnya diukur pada kos ditolak peruntukan hutang ragu. Hutang lapuk akan dihapus kira dalam tahun di mana ianya dikenalpasti. Anggaran ke atas hutang ragu akan dibuat berdasarkan semakan ke atas baki tertinggak pada akhir tahun.

Peruntukan hutang ragu bagi penghutang cukai harta akan diperuntukkan sebagai hutang ragu sekiranya telah tertunggak melebihi tempoh enam (6) tahun berdasarkan laporan pengusiam Majlis. Penghutang sewa pasar, sewa gerai, sewa petak bas, sewa tempat perkurungan rumah persebelihan, sewa perhentian bas/teksi, sewa tapak penjaja dan penghutang pelbagai, bakinya akan disemak secara individu dan apabila ada bukti ianya tidak dapat dikutip oleh pihak Majlis, peruntukan hutang ragu dilaraskan dalam tahun dimana ianya dikenalpasti. Jumlah yang dapat dikutip daripada baki-baki yang telah diperuntukkan sebagai peruntukan hutang ragu dilaraskan sebagai hutang ragu terpulih di penyata prestasi kewangan dalam tahun di mana ianya berlaku.

Pemakaian MPSAS menghendaki peruntukan hutang ragu ini dibuat secara khas dan lebih terperinci. Semua kesan berhubung peruntukan hutang ragu ini perlu dibuat secara prospektif. Majlis telah memilih peruntukan dan pengecualian bagi peruntukan hutang ragu bagi tempoh tiga tahun bermula dari tarikh menerima pakai MPSAS atau sehingga peruntukan hutang ragu tersebut diiktiraf dan diukur (mana yang terdahulu). Ini disebabkan Majlis masih lagi di dalam proses untuk menyelenggara maklumat berhubung peruntukan hutang ragu.

(vi) Penilaian semula hartaan sebagai kos anggapan (Deemed Cost)

Majlis telah menggunakan peruntukan dan pengecualian peralihan buat pertama kali bagi menilai semula hartaan-hartaannya yang tidak mempunyai maklumat kos yang diyakini. Nilai saksama ini telah digunakan sebagai kos anggapan pada tarikh pemakaian MPSAS.

(vii) Aset dan liabiliti kewangan yang telah dinyahiktiraf

Majlis tidak akan mengiktiraf semula mana-mana aset atau liabiliti kewangannya yang telah dinyahiktiraf sebelum ini menggunakanapai rangka kerja perakaunan terdahulu ketika menggunakanapai rangka kerja MPSAS. Jika sesuatu aset dan liabiliti kewangan yang mungkin akan dinyahiktiraf di bawah MPERS,

(viii) Anggaran perakaunan

Sebelum ini, Majlis menggunakan pertimbangan untuk menentukan peruntukan bagi hutang ragu dan hutang lapuk. Peruntukan tertentu akan dibuat apabila Majlis menilai sesuatu hutang itu tidak boleh dikutip manakala peruntukan am akan dibuat untuk lain-lain hutang. Selepas menggunakanapai MPSAS, penilaian ke atas kemerosotan aset kewangan dibuat berdasarkan kepada peristiwa kerugian yang telah berlaku (incurred loss model), di mana kemerosotan diiktiraf berdasarkan bukti objektif yang wujud. Walau bagaimanapun, jumlah peruntukan hutang ragu pada tarikh peralihan tidak diselaraskan secara retrospektif pada tarikh tersebut.

- 2.20.3. Kesan pemakaian MPSAS ke atas penyata kewangan Majlis pada 1 Januari 2016 selepas mengambil kira penggunaan pengecualian dan pertukaran dasar-dasar perakaunan adalah seperti berikut:

Kesan ke atas Penyata Kedudukan Kewangan pada 1 Januari 2016

	MPERS	Kesan MPSAS/ Pelarasan Terdahulu	MPSAS
	RM	RM	RM
ASET BUKAN SEMASA			
Hartahan, loji dan peralatan	8,057,269	(98,280)	7,958,989
Hartahan pelaburan	25,504,346	—	25,504,346
Aset tidak ketara	—	98,280	98,280
	<hr/>	<hr/>	<hr/>
	33,561,615	—	33,561,615
ASET SEMASA			
Urus niaga bukan pertukaran belum terima	—	2,550,139	2,550,139
Urus niaga pertukaran belum terima	—	4,194,786	4,194,786

WARTA KERAJAAN NEGERI MELAKA

508

[25hb Mac 2021]

	MPERS	Kesan MPSAS/ Pelarasan Terdahulu	MPSAS
	RM	RM	RM
Penghutang	6,744,925	(6,744,925)	—
Pelbagai penghutang, deposit dan prabayar	1,083,870	—	1,083,870
Simpanan tetap	—	7,546,854	7,546,854
Wang di tangan dan di bank	11,161,283	(7,546,854)	3,614,429
	18,990,078	—	18,990,078
JUMLAH ASET	52,551,693	—	52,551,693
 LIABILITI SEMASA			
Pelbagai akaun belum bayar dan perbelanjaan terakru	—	18,208,314	18,208,314
Pemiutang	9,735,823	(9,735,823)	—
Penerimaan terdahulu	2,152,317	(2,152,317)	—
Pendahuluan diterima	6,320,174	(6,320,174)	—
Tabung Ex-Gratia	66	—	66
Pinjaman Kerajaan Negeri Melaka	93,723	—	93,723
Pemiutang sewa beli kenderaan	96,240	—	96,240
	18,398,343	—	18,398,343
 LIABILITI BUKAN SEMASA			
Pajakan tertunda	583,287	—	583,287
Geran tertunda	7,822,421	(7,822,421)	—
Pinjaman Kerajaan Negeri	379,166	—	379,166
Pemiutang sewa beli kenderaan	367,130	—	367,130
	9,152,004	(7,822,421)	1,329,583
JUMLAH LIABILITI	27,550,347	7,822,421	19,727,926
ASET BERSIH	25,001,346	7,822,421	32,823,767
 ASET BERSIH/EKUITI			
Kumpulan Wang Majlis	22,621,975	7,822,421	30,444,396
Tabung Pinjaman	198,375	—	198,375
Rezab penilaian semula harta	2,180,996	—	2,180,996
	25,001,346	7,822,421	32,823,767

WARTA KERAJAAN NEGERI MELAKA

25hb Mac 2021]

509

Kesan ke atas Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2016

	MPERS	Kesan MPSAS/ Pelarasan Terdahulu	MPSAS
	RM	RM	RM
ASET BUKAN SEMASA			
Hartanah, loji dan peralatan	10,144,701	(76,882)	10,067,819
Hartanah pelaburan	31,026,843	—	31,026,843
Aset tidak ketara	—	76,882	76,882
	<u>41,171,544</u>	<u>—</u>	<u>41,171,544</u>
ASET SEMASA			
Urus niaga bukan pertukaran belum terima	—	2,876,543	2,876,543
Urus niaga pertukaran belum terima	—	6,854,062	6,854,062
Penghutang	9,730,605	(9,730,605)	—
Pelbagai penghutang, deposit dan pendahuluan	1,242,759	—	1,242,759
Simpanan tetap	—	6,572,351	6,572,351
Wang di tangan dan di bank	11,428,270	(6,572,351)	4,855,919
	<u>22,401,634</u>	<u>—</u>	<u>22,401,634</u>
JUMLAH ASET	<u>63,573,178</u>	<u>—</u>	<u>63,573,178</u>
LIABILITI SEMASA			
Pelbagai akaun belum bayar dan perbelanjaan terakru	—	22,667,655	22,667,655
Pemiutang	13,812,919	(13,812,919)	—
Penerimaan terdahulu	2,327,463	(2,327,463)	—
Pendahuluan diterima	6,527,273	(6,527,273)	—
Tabung Ex-Gratia	90	—	90
Pinjaman Kerajaan Negeri Melaka	97,542	—	97,542
Pemiutang sewa beli kenderaan	202,492	—	202,492
	<u>22,967,779</u>	<u>—</u>	<u>22,967,779</u>
LIABILITI BUKAN SEMASA			
Pajakan tertunda	545,621	—	545,621
Geran tertunda	7,432,496	(7,432,496)	—
Pinjaman Kerajaan Negeri	262,794	—	262,794
Pemiutang sewa beli kenderaan	762,753	—	762,753
	<u>9,003,664</u>	<u>(7,432,496)</u>	<u>1,571,168</u>
JUMLAH LIABILITI	<u>31,971,443</u>	<u>(7,432,496)</u>	<u>24,538,947</u>
ASET BERSIH	<u>31,601,735</u>	<u>7,432,496</u>	<u>39,034,231</u>

WARTA KERAJAAN NEGERI MELAKA

510

[25hb Mac 2021]

	MPERS	Kesan MPSAS/ Pelarasan Terdahulu	MPSAS
	RM	RM	RM
ASET BERSIH/EKUITI			
Kumpulan Wang Majlis	20,963,824	7,432,496	28,396,320
Tabung Pinjaman	198,375	—	198,375
Rezab penilaian semula harta	10,439,536	—	10,439,536
	<hr/> <hr/>	<hr/> <hr/>	<hr/> <hr/>
	31,601,735	7,432,496	39,034,231
	<hr/> <hr/>	<hr/> <hr/>	<hr/> <hr/>

Kesan ke atas Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2016

	MPERS	Kesan MPSAS/ Pelarasan Terdahulu	MPSAS
	RM	RM	RM
HASIL			
Hasil Cukai	6,576,532	(6,576,532)	—
Lesen dan permit	1,534,864	(1,534,864)	—
Perkhidmatan	788,126	(788,126)	—
Sewaan	1,571,843	(1,571,843)	—
Denda dan hukuman	687,796	(687,796)	—
Perolehan daripada jualan	122,945	(122,945)	—
Faedah	343,783	(343,783)	—
Lain-lain pendapatan	15,890,930	(15,890,930)	—
Urus niaga bukan pertukaran	—	24,654,209	24,654,209
Urus niaga pertukaran	—	2,862,610	2,862,610
	<hr/> <hr/>	<hr/> <hr/>	<hr/> <hr/>
JUMLAH HASIL	27,516,819	—	27,516,819
	<hr/> <hr/>	<hr/> <hr/>	<hr/> <hr/>

PERBELANJAAN

Emolumen	9,003,539	—	9,003,539
Perkhidmatan dan Bekalan	18,449,855	(7,266,269)	11,183,586
Pemilikan Harta Modal	—	7,032,932	7,032,932
Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap	—	187,177	187,177
Perbelanjaan-perbelanjaan lain	1,722,553	46,160	1,768,713
	<hr/> <hr/>	<hr/> <hr/>	<hr/> <hr/>
JUMLAH PERBELANJAAN	29,175,947	—	29,175,947
	<hr/> <hr/>	<hr/> <hr/>	<hr/> <hr/>
KURANGAN BAGI TAHUN	(1,659,128)	—	(1,659,128)
	<hr/> <hr/>	<hr/> <hr/>	<hr/> <hr/>

2.21. Mengkontra Instrumen Kewangan

Aset kewangan dan liabiliti kewangan hanya dikontra jika, dan hanya jika, terdapat hak undang-undang mengofsetkannya dan terdapat tujuan untuk menyelesaikannya pada nilai bersih atau untuk direalisasikan aset dan menyelesaikan liabiliti secara serentak.

2.22. Pihak Berkaitan

Majlis menganggap pihak berkaitan sebagai orang atau entiti dengan keupayaan untuk mengenakan kawalan secara individu atau bersama, atau untuk melaksanakan pengaruh penting ke atas majlis, atau sebaliknya. Kakitangan penting pihak pengurusan dianggap sebagai pihak berkaitan dan terdiri daripada Yang Dipertua dan Ahli-Ahli majlis.

2.23. Pajakan

Pajakan Kewangan

Pajakan hartanah, loji dan peralatan adalah dikelaskan sebagai pajakan kewangan di mana sebahagian besar semua risiko dan manfaat bersampingan dengan pemilikan aset, tetapi bukan pemilikan yang sah disisi undang-undang, dipindahkan kepada majlis.

Majlis pada awalnya mengiktiraf hak penggunaan dan obligasinya di bawah pajakan kewangan sebagai aset dan liabiliti dalam penyata kedudukan kewangan pada amaan yang sama dengan nilai saksama aset yang dipajak atau, jika yang lebih rendah, nilai semasa bayaran pajakan minimum, ditentukan pada permulaan pajakan. Sebarang kos langsung awal ditambah kepada amaan yang diiktiraf sebagai aset.

Bayaran pajakan minimum adalah dibahagikan antara caj kewangan dan pengurangan liabiliti tertunggak dengan menggunakan kaedah faedah efektif. Caj kewangan adalah diperuntukan pada setiap tempoh sepanjang tempoh pajakan untuk menghasilkan kadar faedah tempoh yang tetap ke atas baki liabiliti. Sewa luar jangka dikenakan sebagai perbelanjaan dalam tempoh di mana ia dilibatkan.

Dasar susut nilai bagi aset pajakan yang boleh susut nilai adalah konsisten dengan aset yang boleh susut nilai yang dimiliki. Jika tiada kepastian yang munasabah bahawa majlis akan mendapat pemilikan menjelang akhir tempoh pajakan, aset pajakan susut nilai sepenuhnya dalam jangka pajakan dan hayat bergunanya, yang mana lebih singkat. Pada setiap tarikh pelaporan, Majlis menilai sama ada aset pajakan di bawah pajakan kewangan telah rosot nilai.

Pajakan Operasi

Pajakan dikelaskan sebagai pajakan operasi jika ia tidak memindah sebahagian besar semua risiko dan manfaat bersampingan dengan pemilikan aset. Pembayaran pajakan di bawah pajakan operasi adalah diiktiraf sebagai perbelanjaan atas asas garis lurus sepanjang tempoh pajakan.

2.24. Kos Kewangan

Semua kos kewangan diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam penyata prestasi kewangan dalam tempoh ia terlibat.

3. URUS NIAGA BUKAN PERTUKARAN BELUM TERIMA

	2017 RM	2016 RM Seperti yang dinyatakan semula	1-1-2016 RM Seperti yang dinyatakan semula
Akaun belum terima cukai taksiran	4,769,680	4,062,068	3,734,389
Tolak:			
Peruntukan hutang ragu	<u>(1,403,379)</u>	<u>(1,403,379)</u>	<u>(1,403,379)</u>

WARTA KERAJAAN NEGERI MELAKA

512

[25hb Mac 2021]

	2017 RM	2016 RM Seperti yang dinyatakan semula	1-1-2016 RM Seperti yang dinyatakan semula
Akaun belum terima sumbangan membantu kadar	3,366,301 891,330	2,658,689 217,854	2,331,010 219,129
	<u>4,257,631</u>	<u>2,876,543</u>	<u>2,550,139</u>

4. URUS NIAGA PERTUKARAN BELUM TERIMA

Akaun belum terima sewaan	1,248,359	1,131,242	1,068,066
Tolak:			
Peruntukan hutang ragu	(107,358)	(107,358)	(107,358)
Akaun belum terima Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan	1,141,001 5,830,178	1,023,884 5,830,178	960,708 3,234,078
	<u>6,971,179</u>	<u>6,854,062</u>	<u>4,194,786</u>

5. PELBAGAI AKAUN BELUM TERIMA, DEPOSIT DAN PENDAHULUAN

	2017 RM	2016 RM
Deposit pelupusan kenderaan		4,744
Faedah terakru simpanan tetap	59,193	42,179
Pejabat Daerah & Tanah Jasin-bayaran terdahulu tanah	98,920	948,920
Pendahuluan pinjaman	35,868	31,203
Pelbagai penghutang	233,127	215,713
	<u>1,277,108</u>	<u>1,242,759</u>

Pendahuluan pinjaman merupakan pinjaman yang diberikan kepada kakitangan Majlis yang layak bagi tujuan pembiayaan pembelian kereta, motosikal atau komputer. Pinjaman ini dikenakan faedah pada kadar 4% setahun pada baki berkurangan dan bayaran balik dibuat melalui potongan gaji. Kereta atau motosikal yang dibeli melalui pembiayaan ini akan dicagarkan terhadap pinjaman yang diperoleh.

6. SIMPANAN TETAP

	2017 RM	2016 RM
Institusi kewangan dan bank berlesen	7,098,182	6,572,351
	<u>7,098,182</u>	<u>6,572,351</u>
Purata tempoh kematangan simpanan tetap (hari):	5 bulan	7 bulan
Kadar faedah purata simpanan tetap (%)	3.44%	3.54%

WARTA KERAJAAN NEGERI MELAKA

25hb Mac 2021]

513

7. TUNAI DAN BAKI BANK

	2017 RM	2016 RM
Tunai di tangan	3,000	2,000
Wang di bank (Nota (a))	4,192,649	4,853,919
	<hr/>	<hr/>
	4,195,649	4,855,919

(a) Wang di bank terdiri daripada:

Akaun pengurusan	294,695	79,024
Akaun kutipan Maybank Merlimau	23,799	12,017
Akaun kutipan BSN	25,952	2,898
Akaun kutipan BIMB	147	5,933
Akaun kutipan CIMB	(1,873)	29,023
Akaun kutipan Bank Rakyat	1,001,068	—
Akaun wang amanah disatukan	640,017	1,181,199
Akaun tabung pembangunan	2,146,250	3,476,563
Akaun tabung pinjaman MPJ	62,504	67,172
Akaun tabung Ex-Gratia	90	90
	<hr/>	<hr/>
	4,192,649	4,853,919

8. HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN

(a) TAHUN 2017	Pada 1-1-2017 seperti yang dinyatakan semula	Tambahan	Hapuskira	Pelarasan	Pada 31-12-2017
	RM	RM	RM	RM	RM
KOS					
Tanah Milik Kekal	39,000	—	—	—	39,000
Tanah Pajakan	6,323,848	—	—	—	6,323,848
Bangunan Separuh Kekal	4,368,862	4,035,000	—	(119,744)	8,284,118
Kenderaan dan Jentera	4,030,256	163,319	—	—	4,193,575
Mesin Pejabat	113,810	—	—	—	113,810
Perabot Jalan	488,793	874,161	—	—	1,362,954
Alat kelengkapan pejabat	878,494	456,611	—	—	1,335,105
Komputer	1,344,061	14,903	—	—	1,358,964
Ubahsuai	128,100	10,533	—	—	138,633
Lain-lain aset	360,665	41,889	—	—	402,554
	18,075,889	5,596,416	—	(119,744)	23,552,561

SUSUT
NILAI
TERKUMPUL

Tanah Milik	—	—	—	—	—
Kekal					
Tanah Pajakan	643,513	69,065	—	—	712,578
Bangunan	1,624,468	147,148	—	—	1,771,616
Separuh Kekal					

WARTA KERAJAAN NEGERI MELAKA

514

[25hb Mac 2021]

	Pada 1-1-2017 seperti yang dinyatakan semula	Tambahan	Hapuskira	Pelarasan	Pada 31-12-2017
	RM	RM	RM	RM	RM
Kenderaan dan Jentera	2,935,300	317,161	—	—	3,252,461
Mesin Pejabat	101,647	1,652	—	—	103,299
Perabot pejabat	379,328	58,296	—	—	437,624
Alat kelengkapan pejabat	671,489	70,352	—	—	741,841
Komputer	1,313,791	30,905	—	(20,319)	1,324,377
Ubahsuai	1,067	13,512	—	—	14,579
Lain-lain aset	337,467	8,301	—	—	345,768
	<hr/> <u>8,008,070</u>	<hr/> <u>716,392</u>	<hr/> <u>—</u>	<hr/> <u>(20,319)</u>	<hr/> <u>8,704,143</u>

Pada 31-12-2016 seperti yang dinyatakan semula	Pada 31-12-2017 seperti yang dinyatakan semula
--	--

RM	RM
----	----

NILAI BUKU BERSIH

Tanah Milik Kekal	39,000	39,000
Tanah Pajakan	5,680,335	5,611,270
Bangunan	2,744,394	6,512,502
Separuh Kekal		
Kenderaan dan Jentera	1,094,956	941,114
Mesin Pejabat	12,163	10,511
Perabot Jalan	109,465	925,330
Alat kelengkapan pejabat	207,005	593,264
Komputer	30,270	34,587
Ubahsuai	127,033	124,054
Lain-lain aset	23,198	56,786
	<hr/> <u>10,067,819</u>	<hr/> <u>14,848,418</u>

8. HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN

(b) TAHUN 2016	Pada 1-1-2016 seperti yang dinyatakan semula	Tambahan	Hapuskira	Pelarasan	Pada 31-12-2016
	RM	RM	RM	RM	RM
KOS					
Tanah Milik Kekal	30,000	—	—	9,000	39,000
Tanah Pajakan	4,665,195	—	—	1,658,653	6,323,848
Bangunan	4,368,862	—	—	—	4,368,862
Separuh Kekal					

WARTA KERAJAAN NEGERI MELAKA

25hb Mac 2021]

515

	Pada 1-1-2016 seperti yang dinyatakan semula	Tambahan	Hapuskira	Pelarasan	Pada 31-12-2016
	RM	RM	RM	RM	RM
Kenderaan dan Jentera	3,707,646	680,741	(358,131)	—	4,030,256
Mesin Pejabat	107,510	6,300	—	—	113,810
Perabot Jalan	446,623	42,170	—	—	488,793
Alat kelengkapan pejabat	844,089	34,405	—	—	878,494
Komputer	1,334,701	9,360	—	—	1,344,061
Ubahsuai	—	128,100	—	—	128,100
Lain-lain aset	350,254	10,411	—	—	360,665
	<hr/> 15,854,880	<hr/> 911,487	<hr/> (358,131)	<hr/> 1,667,653	<hr/> 18,075,889

SUSUT NILAI TERKUMPUL

Tanah Milik Kekal	—	—	—	—	—
Tanah Pajakan	574,449	69,064	—	—	643,513
Bangunan	1,510,008	114,460	—	—	1,624,468
Separuh Kekal					
Kenderaan dan Jentera	3,094,194	199,234	(358,128)	—	2,935,300
Mesin Pejabat	99,994	1,653	—	—	101,647
Perabot Jalan	360,719	18,609	—	—	379,328
Alat kelengkapan pejabat	622,957	48,532	—	—	671,489
Komputer	1,304,166	31,023	—	(21,398)	1,313,791
Ubahsuai	—	1,067	—	—	1,067
Lain-lain aset	329,404	8,063	—	—	337,467
	<hr/> 7,895,891	<hr/> 491,705	<hr/> (358,128)	<hr/> (21,398)	<hr/> 8,008,070

	Pada 31-12-2015 seperti yang dinyatakan semula	Pada 31-12-2016 seperti yang dinyatakan semula
	RM	RM

NILAI BUKU BERSIH

Tanah Milik Kekal	39,000	39,000
Tanah Pajakan	4,090,746	5,680,335
Bangunan	2,858,854	2,744,394
Separuh Kekal		
Kenderaan dan Jentera	613,452	1,094,956
Mesin Pejabat	7,516	12,163
Perabot Jalan	85,904	109,465
Alat kelengkapan pejabat	221,132	207,005
Komputer	30,535	30,270
Ubahsuai	—	127,033
Lain-lain aset	20,850	23,198
	<hr/> 7,958,989	<hr/> 10,067,819

WARTA KERAJAAN NEGERI MELAKA

516

[25hb Mac 2021]

(c) KENDERaan SEWA BELI

	2017	2016
	RM	RM
Aset diperolehi di bawah perjanjian sewa beli:		
Kenderaan dan Jentera		
Niai Buku Bersih	907,323	363,615

(d) HAKMILIK TANAH

Pengambilan balik tanah daripada Kerajaan Negeri dibuat berdasarkan perancangan pembangunan kemudahan dan infrastruktur. Permohonan hakmilik atau status rezab dibuat mengikut kesesuaian pembangunan atas tanah tersebut.

(e) HAKMILIK TANAH TAPAK BANGUNAN SEWAAN

Bangunan sewaan seperti gerai/medan selera yang dibina atas tanah kerajaan, rezab jabatan seperti Jabatan Kerja Raya (JKR), Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) dan lain-lain tidak dimohon hakmilik. Sebab utama kerana pembinaan berbentuk sementara dan akan dirobohkan apabila ada kepentingan lain. Selain itu kos pengambilan dan premium yang tinggi berbanding dengan pulangan yang amat minimum menjadikan punca hakmilik tidak dipohon.

(f) HAKMILIK TANAH PEGANGAN PAJAK

Tanah Pegangan Pajak diketraf sebagai harta majlis sebaik sahaja permohonan diluluskan oleh Pejabat Daerah dan Tanah dengan mengambil kira kos bayaran premium. Walau bagaimanapun susut nilai bagi tanah pegangan pajak hanya diiktiraf apabila sijil halmilik dan tempoh pajakan diperolehi dari Pejabat Daerah dan Tanah

9. HARTANAH PELABURAN

9.1. TAHUN 2017

	Pada 1-1-2017	Tambah	Hapuskira	Pelarasan (ARR)	Pada 31-12-2017
	RM	RM	RM	RM	RM
KOS					
Tanah Pajakan	9,831,000	—	—	—	9,831,000
Bangunan	8,079,820	—	—	1,684,869	9,764,689
Kekal					
Bangunan	24,786,186	2,276,353	—	(3,489,462)	23,573,077
Separuh Kekal					
	<hr/> <hr/>	<hr/> <hr/>	<hr/> <hr/>	<hr/> <hr/>	<hr/> <hr/>
	42,697,006	2,276,353	—	(1,804,593)	43,168,766

	Pada 1-1-2017	Tambah	Hapuskira	Pelarasan	Pada 31-12-2016
	RM	RM	RM	RM	RM
SUSUT NILAI TERKUMPUL					
Tanah Pajakan	492,655	99,303	—	—	591,958
Bangunan Kekal	2,115,614	193,587	—	(132,859)	2,176,342
Bangunan	9,061,894	762,460	—	(117,746)	9,706,608
Separuh Kekal					
	<hr/> <hr/>	<hr/> <hr/>	<hr/> <hr/>	<hr/> <hr/>	<hr/> <hr/>
	11,670,163	1,055,350	—	(250,605)	12,474,908

WARTA KERAJAAN NEGERI MELAKA

25hb Mac 2021]

517

	Pada 31-12-2016	Pada 31-12-2017
	RM	RM
NILAI BUKU BERSIH		
Tanah Pajakan	9,338,345	9,239,042
Bangunan	5,964,206	7,588,347
Kekal		
Bangunan	15,724,292	13,866,469
Separuh Kekal		
	31,026,843	30,693,858

10. ASET TAK KETARA

10.1 TAHUN 2017

	Perisian komputer	JUMLAH
	RM	RM
KOS		
Pada 1 Januari 2017	106,995	106,995
- Seperti yang dinyatakan semula		
KOS PADA 31 DISEMBER 2017	106,995	106,995
SUSUT NILAI TERKUMPUL		
Pada 1 Januari 2017	30,113	30,113
- Seperti yang dinyatakan semula	20,319	20,319
SUSUTNILAI TERKUMPUL PADA 31 DISEMBER 2017	50,432	50,432
NILAI BUKU BERSIH		
Pada 31 Disember 2017	56,563	56,563

10.2 TAHUN 2016

	KOS	
	RM	
Pada 1 Januari 2016	106,995	106,995
- Seperti yang dinyatakan semula		
KOS PADA 31 DISEMBER 2016	106,995	106,995
SUSUT NILAI TERKUMPUL		
Pada 1 Januari 2016	8,715	8,715
- Seperti yang dinyatakan semula		
Susutnilai tahun semasa	21,398	21,398
SUSUTNILAI TERKUMPUL PADA 31 DISEMBER 2016	30,113	30,113
NILAI BUKU BERSIH		
Pada 31 Disember 2016	76,882	76,882

WARTA KERAJAAN NEGERI MELAKA

518

[25hb Mac 2021]

11. PELBAGAI AKAUN BELUM BAYAR DAN PERBELANJAAN TERAKRU

	2017 RM	2016 RM	1-1-2016 RM
	Seperti yang dinyatakan semula	Seperti yang dinyatakan semula	Seperti yang dinyatakan semula
Pelbagai akaun belum bayar (Nota (a))	22,111,955	13,812,919	9,735,823
Penerimaan terdahulu (Nota (b))	2,050,303	2,327,463	2,152,317
Pendahuluan diterima (Nota (c))	5,937,470	6,527,273	6,320,174
	<hr/>	<hr/>	<hr/>
	30,099,728	22,667,655	18,208,314
	<hr/>	<hr/>	<hr/>

(a) Pelbagai akaun belum bayar terdiri daripada:

Perbelanjaan terakru	2,709,741	3,420,624	2,455,798
Pemutang-Perkhidmatan SWM	1,530,000	1,600,000	1,668,229
Pemutang -Sumbangan PPSPPA	12,378,716	8,630,304	5,457,293
Pemutang Pelbagai	5,493,498	161,991	154,503
	<hr/>	<hr/>	<hr/>
	22,111,955	13,812,919	9,735,823
	<hr/>	<hr/>	<hr/>

(b) Penerimaan terdahulu terdiri daripada:

Cukai taksiran	206,180	475,590	312,078
Sewa gerai	30,792	44,477	39,534
Sewa Pasar	16,011	18,698	16,958
Bangunan perniagaan	28,107	25,399	20,678
Bangunan pejabat	525	525	665
Perhentian bas/teksi	1,224	610	410
Terimaan terdahulu- Projek Tasik Chincin	1,761,994	1,761,994	1,761,994
Terimaan terdahulu- Rumah Rehat Merlimau	170	170	—
Sewa petak kenderaan berat	5,300	—	—
	<hr/>	<hr/>	<hr/>
	2,050,303	2,327,463	2,152,317
	<hr/>	<hr/>	<hr/>

(c) Pendahuluan diterima terdiri daripada:

Wang Amanah	36,742	639,951	121,890
Cagaran	5,900,728	5,887,322	6,198,284
	<hr/>	<hr/>	<hr/>
	5,937,470	6,527,273	6,320,174
	<hr/>	<hr/>	<hr/>

12. TABUNG EX-GRATIA

	2017 RM	2016 RM
Baki pada 1 Januari	90	66
Tambah pelarasan tahunan	—	1,500
Perbelanjaan semasa	—	(1,476)
	<hr/>	<hr/>
Baki pada 31 Disember	90	90
	<hr/>	<hr/>

Tabung Ex-Gratia telah ditubuhkan pada tahun 1997. Tabung ini telah mendapat peruntukan sebanyak RM50,000 daripada MPJ. Tujuan penubuhan tabung ini adalah untuk menjaga kebajikan ahli keluarga pekerja-pekerja MPJ yang telah meninggal dunia ataupun ditimpakan malapetaka. Kebajikan ini termasuk bantuan persekolahan anak-anak pekerja MPJ dan juga bantuan kewangan kepada ibu tunggal.

WARTA KERAJAAN NEGERI MELAKA

25hb Mac 2021]

519

13. PINJAMAN KERAJAAN NEGERI

	2017 RM	2016 RM
Kos pinjaman tolak : bayaran semasa	386,747 (101,290)	515,663 (128,916)
Tolak: caj kewangan yang akan dikenakan	<u>285,457 (14,682)</u>	<u>386,747 (26,411)</u>
Nilai semasa pinjaman	<u>270,775</u>	<u>360,336</u>
Nilai semasa pinjaman:		
Amaun patut bayar dalam tempoh 12 bulan	101,516	97,542
Amaun patut bayar dalam tempoh 1 hingga 5 tahun	169,259	262,794
	<u>270,775</u>	<u>360,336</u>

Pinjaman daripada Kerajaan Negeri Melaka dikenakan faedah pada kadar 4% setahun pada kaedah garis lurus

14. PINJAMAN SEWA BELI KENDERAAN

	2017 RM	2016 RM
Kos sewabeli tolak: bayaran semasa	1,217,832 (265,703)	1,253,166 (149,566)
Tolak: caj kewangan yang akan dikenakan	<u>952,129 (95,799)</u>	<u>1,103,600 (138,355)</u>
Nilai semasa pinjaman	<u>856,330</u>	<u>965,245</u>
Nilai semasa pinjaman:		
- tidak melebihi dari 12 bulan	236,971	202,492
- melebihi 1 tahun tetapi tidak melebihi 5 tahun	619,359	762,753
	<u>856,330</u>	<u>965,245</u>

15. PAJAKAN TERTUNDA

Baki pada awal tahun	545,621	583,287
Terimaan geran tahun semasa	(37,666)	(37,666)
Baki pada akhir tahun	<u>507,955</u>	<u>545,621</u>

16. KUMPULAN WANG MAJLIS

Baki pada 1 Januari	28,396,320	22,621,975
Kesan pemakaian MPSAS	—	7,822,421
Lebihan/(Kurangan) pendapatan	553,816	(1,659,128)
Pelarasaran	—	(388,948)
Baki pada 31 Disember	<u>28,950,136</u>	<u>28,396,320</u>

WARTA KERAJAAN NEGERI MELAKA

520

[25hb Mac 2021]

17. TABUNG PINJAMAN

	2017 RM	2016 RM
Baki penghutang pinjaman	35,871	31,203
Simpanan tetap	100,000	100,000
Baki buku tunai	62,504	67,172
	<hr/>	<hr/>
	198,375	198,375
	<hr/>	<hr/>

18. URUS NIAGA BUKAN PERTUKARAN

	2017 RM	2016 RM	Seperti yang dinyatakan semula
Cukai harta	8,765,687	5,812,578	
Caruman Bantu Kadar	1,818,161	763,954	
Lesen, bayaran pendaftaran dan permit	1,865,117	1,534,864	
Denda dan hukuman	623,651	687,796	
Terimaan dari agensi kerajaan (Nota (a))	11,524,738	13,594,879	
Lain-lain terimaan	2,657,051	2,260,138	
	<hr/>	<hr/>	
	27,254,405	24,654,209	
	<hr/>	<hr/>	
(a) Terimaan dari agensi kerajaan terdiri daripada:			
Sumbangan kerajaan negeri	4,017,323	7,724,958	
Sumbangan kerajaan persekutuan	3,984,842	4,224,331	
Geran keseimbangan	1,645,591	1,645,590	
Terimaan geran tertunda	1,876,982	—	
	<hr/>	<hr/>	
	11,524,738	13,594,879	
	<hr/>	<hr/>	

19. URUS NIAGA PERTUKARAN

Perkhidmatan dan bayaran perkhidmatan	1,519,432	788,126
Sewaan	1,665,087	1,571,843
Faedah	306,948	343,783
Perolehan dari julan barang	145,193	158,858
	<hr/>	<hr/>
	3,636,660	2,862,610
	<hr/>	<hr/>

20. EMOLUMEN

	2017 RM	2016 RM
Gaji kakitangan awam	5,912,813	5,482,496
Elaun tetap kakitangan awam	2,161,540	2,118,200
Sumbangan berkanun untuk kakitangan	1,025,084	955,065
Bayaran lebih masa	214,661	186,615
Faedah kewangan yang lain	371,079	261,163
	<hr/>	<hr/>
	9,685,177	9,003,539
	<hr/>	<hr/>

WARTA KERAJAAN NEGERI MELAKA

25hb Mac 2021]

521

21. PERKHIDMATAN DAN BEKALAN

	2017 RM	2016 RM
Perjalanan kakitangan	351,368	168,582
Pengangkutan barang kakitangan	2,671	5,266
Perhubungan dan utiliti	3,267,949	3,052,418
Sewaan	172,757	160,162
Bahan makanan dan minuman	25,133	21,388
Bekalan bahan mentah & bahan untuk penyelenggaraan	324,316	240,173
Bekalan pejabat	374,625	357,129
Penyelenggaraan	855,322	713,501
Perkhidmatan yang dibeli	7,525,022	6,464,967
	<hr/>	<hr/>
	12,899,163	11,183,586
	<hr/>	<hr/>

22. PEMILIKAN HARTA MODAL

Binatang, pokok dan benih	93,564	65,248
Pembaikan	5,483,340	6,967,684
	<hr/>	<hr/>
	5,576,904	7,032,932
	<hr/>	<hr/>

23. PEMBERIAN DAN KENAAAN BAYARAN TETAP

Pemberian dalam negeri	89,990	69,100
Tuntutan insuran dan pampasan	1,000	1,500
Faedah atas wang pinjaman	11,730	16,362
Faedah sewa beli	55,787	29,742
Ganjaran	41,594	24,778
Ganjaran cuti rehat	89,999	45,695
	<hr/>	<hr/>
	290,100	187,177
	<hr/>	<hr/>

24. PERBELANJAAN-PERBELANJAAN LAIN

Pulangbalik hasil dan hapuskira	12,764	46,160
Perbelanjaan lain	352,003	162,458
Susutnilai	1,521,138	1,560,095
	<hr/>	<hr/>
	1,885,905	1,768,713
	<hr/>	<hr/>

25. PELARASAN TAHUN LALU

Pelarasan tahun lalu dinyatakan semula seperti berikut:

	Dinyatakan Terdahulu	Pelarasan Tahun Lalu/ Perbezaan	Dinyatakan Semula
Urusniaga pertukaran belum terima			
Penghutang-sewaan gerai (Nota 24.1)	489,019	(365)	488,654
Tunai dan baki bank			
Panjar wang runcit (Nota 24.4)	658	1,342	2,000
Geran tertunda (Nota 24.3)	7,432,496	(389,925.00)	7,822,421
Jumlah pelarasan tahun terdahulu		(388,948.00)	
		<hr/>	

Nota:

- 24.1. Pelarasan bagi sewaan gerai terlebih catat
- 24.2. Pelarasan bagi belanja pelbagai yang terlebih catat
- 24.3 Pelarasan pelunasan semasa kos aset-aset yang diterima daripada kerajaan tahun-tahun terdahulu

26. INSTRUMEN KEWANGAN - DASAR PENGURUSAN RISIKO

Risiko kredit

Risiko kredit adalah risiko kerugian yang mungkin timbul disebabkan oleh kegagalan pihak lain di dalam menjalankan kewajipannya. Pendedahan kepada risiko kredit wujud daripada akaun-akaun belum terima. Bagi wang tunai dan baki di bank, Majlis mengurangkan risiko kredit dengan berurusan secara eksklusif dengan institusi kewangan yang mempunyai penarafan kredit yang tinggi.

Objektif Majlis adalah untuk mencari pertumbuhan berterusan sementara meminimumkan kerugian yang timbul kerana peningkatan dalam pendedahan risiko kredit. Majlis hanya berurusan dengan pihak yang mempunyai kelayakan kredit yang baik. Ia telah menjadi polisi Majlis bahawa semua siberutang yang ingin berdagang hendaklah melalui prosedur pengesahan kredit. Tambahan pula, baki belum terima akan sentiasa dipantau secara berterusan.

Risiko Kecairan

Risiko kecairan adalah risiko bahawa Majlis akan menghadapi kesukaran dalam memenuhi kewajipan kewangan oleh kerana kekurangan dana. Pendedahan Majlis kepada risiko kecairan wujud daripada perbezaan dalam kematanan aset kewangan dan liabiliti kewangan. Jadual di bawah menunjukkan profil kematanan liabiliti Majlis pada tarikh laporan berdasarkan obligasi pembayaran semula tanpa diskau kontrak.

	Dalam tempoh setahun	Lebih tempoh setahun	Jumlah
	RM	RM	RM
Pada 31 Disember 2017			
Pelbagai akaun belum bayar & perbelanjaan terakru	30,099,728	—	30,099,728
Pinjaman kerajaan negeri	101,516	169,259	270,775
Pinjaman sewa beli kenderaan	236,971	619,359	856,330
	<hr/> 30,438,215	<hr/> 788,618	<hr/> 31,226,833
Pada 31 Disember 2016			
Pelbagai akaun belum bayar & perbelanjaan terakru	22,667,655	—	22,667,655
Pinjaman kerajaan negeri	97,542	262,794	360,336
Pinjaman sewa beli kenderaan	202,492	762,753	965,245
	<hr/> 22,967,689	<hr/> 1,025,547	<hr/> 23,993,236

Nilai Saksama

Nilai dibawa tunai dan kesetaraan tunai, belum terima dan belum dibayar adalah menyamai nilai saksamanya kerana tempoh matangnya yang pendek.

27. KAKITANGAN PENTING PIHAK PENGURUSAN

Kakitangan penting pihak pengurusan adalah mereka yang mempunyai kuasa dan tanggungjawab untuk perancangan, arahan dan kawalan ke atas aktiviti-aktiviti Majlis sama ada secara langsung atau tidak langsung. Kakitangan penting hanya terdiri oleh Tuan Yang Dipertua dan Ahli-Ahli Majlis di mana pembayaran yang dibuat kepada mereka adalah seperti berikut:

	2017	2016
Jumlah kakitangan penting pihak pengurusan	27	27
Jumlah ganjaran	164,710	150,332

28. NOTA BAGI PENYATA PERBANDINGAN BAJET DAN SEBENAR

Bajet Majlis telah diluluskan dan dibentangkan atas asas tunai bagi tempoh kewangan dari 1 Januari 2017 sehingga 31 Disember 2017. Jumlah bajet ini telah dibentangkan dalam Mesyuarat Khas Bajet Majlis Perbandaran Jasin. Bajet asal telah diluluskan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, Melaka.

Bajet dan penyata kewangan Majlis disediakan dengan menggunakan asas yang berlainan daripada penyata kewangan. Penyata kewangan disediakan pada asas akruan menggunakan klasifikasi berdasarkan jenis perbelanjaan di dalam penyata prestasi kewangan, manakala bajet disediakan pada asas tunai. Jumlah dalam penyata kewangan ini telah disusun semula dari asas akruan kepada asas tunai dan dikelaskan semula dengan pembentangan berada pada asas yang sama seperti mana bajet yang telah diluluskan. Perbandingan jumlah bajet dan sebenar, yang disediakan secara perbandingan dengan bajet yang diluluskan, kemudiannya dibentangkan di dalam penyata perbandingan bajet dan sebenar.

Selain perbezaan asas ini, pelarasan kepada jumlah dalam penyata kewangan juga dibuat untuk perbezaan dalam format dan klasifikasi yang diterima pakai bagi pembentangan penyata kewangan dan bajet yang diluluskan.

Perbezaan masa wujud apabila tempoh bajet disediakan berbeza daripada tempoh kewangan penyata kewangan ini disediakan.

Perbezaan entiti wujud apabila bajet tidak mengambilkira program-program atau aktiviti-aktiviti yang tidak direkodkan di dalam penyata kewangan ini.

Pelarasan antara jumlah sebenar seperti yang dinyatakan dalam penyata perbandingan bajet dan sebenar dan jumlah sebenar dalam penyata aliran tunai bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2017 adalah seperti di bawah.

Penyesuaian antara jumlah sebenar seperti yang dinyatakan di dalam penyata perbandingan bajet dan sebenar dan jumlah sebenar dalam penyata aliran tunai bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2017 adalah seperti di bawah:

	Operasi RM	Pelaburan RM	Pembentangan RM	Jumlah RM
Jumlah sebenar di dalam Penyata				
Perbandingan Bajet dan Sebenar	4,664,429	(119,464)	(68,151)	4,476,814

WARTA KERAJAAN NEGERI MELAKA

524

[25hb Mac 2021]

	Operasi RM	Pelaburan RM	Pembiayaan RM	Jumlah RM
Perbezaan asas (Nota (a))	3,075,910	(7,556,838)	(130,325)	(4,611,253)
Perbezaan masa	—	—	—	—
Jumlah sebenar dalam Penyata Aliran Tunai	7,740,339	(7,676,302)	(198,476)	(134,439)

Nota a:

Perbezaan asas berlaku kerana bajet disediakan mengikut asas tunai dan penyata kewangan disediakan pada asas akruan.

Hakcipta Pencetak (H)

PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD

Semua Hak Terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan di dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disarkan dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/ atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada **Percetakan Nasional Malaysia Berhad (Pencetak kepada Kerajaan Malaysia yang dilantik).**



DICETAK OLEH
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD,
KUALA LUMPUR
BAGI PIHAK DAN DENGAN PERINTAH KERAJAAN MALAYSIA